

PROJEK KUMPULAN PKINK PENGGERAK PEMBANGUNAN UMMAH

PEMAJU BERWIBAWA



بيناراي



BINARAYA

& SYARIKAT KUMPULAN



SINARAN PANTAI TIMUR CONSORTIUM BHD



Profil Impian Sdn. Bhd.

Membina Kehidupan Anda

Kami sedar kehidupan anda melalui banyak perubahan. Kerana itu, kami di Kumpulan BINARAYA komited dalam merealisasikan impian anda menjadi realiti.

www.binaraya.com.my

QIADAH KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE REJAB 1430 HIJRAH WWW.PMBK.GOV.MY

OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

QIADAH

KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED

قيدان منترى لسنتر كالتن



Exclusively *Feminine*



<http://www.pmbk.gov.my>

FREE ISSUES / PERCUMA

وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ
And we made every living thing of water...

Chapter Al-Anbia (sentence 30)



PINTAS : 1300 88 2572
Pusat Info & Talian Aduan



AIR KELANTAN SDN BHD

Tingkat 5, Bangunan Perbadanan Menteri Besar Kelantan,
Lot 2 & 257, Jalan Kuala Krai, 15050 Kota Bharu, Kelantan
Tel : 09-743 7777 | Fax : 09-747 2030

www.airkelantan.com.my



Exclusively *Feminine*

How feminine is a woman in the eyes of its beholder? When is a man a gentleman? Is an educated, independent, dynamic yet gentle-cultured beauty a lady? When is a woman described as rich and exclusive in its feminine traits? The Kelantanese woman is exclusive; an exclusively feminine one.

CIRCULATION LIST

Tourist Information Centre | Kelantan State Information Secretariat | Government Department and Agencies | Government Link Companies | State Museums | Kota Bharu Municipal Council – Islamic City | Selected Privates Companies | Selected Hotels and travel Agencies | Selected Malaysian Embassies and High Commissions | Selected Foreign Embassies | Selected Higher Learning Institutions and Students Council | Persatuan Anak Kelantan Di Perantauan | Sultan Ismail Petra Airport

No part of this magazine may be reproduce without the written permission of Kelantan Chief Minister Incorporated (PMBK). All rights reserved. Copyright 2009 by PMBK. Opinion Express in Qiadah are writers' and not necessarily endorsed by PMBK. PMBK and the producer are not responsible or liable in any way for the content in any of the advertisement, articles, photographers or illustrations contained in this publication. Editorial inquiries and inquiries concerning advertising and circulation should be address to PMBK. PMBK accept no responsibility for unsolicited manuscript, photography, illustration and other editorial material. The editorial team reserves the rights to edit and/or re-write all materials according to the needs of the publication upon usage.

CHIEF EDITORIAL

IR. ABDUL ARIFFAHMI AB RAHMAN
CHIEF OPERATING OFFICER
KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED

EDITORIAL COMMITTEE SECRETARY

NIK AIDA NIK MOHAMED @ NIK AHMAD
CORPORATE COMMUNICATION ASST. MANAGER
KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED

EDITORIAL COORDINATOR

NIK MOHD ALIMIN NIK MOHD ALWI
BUSINESS DEVELOPMENT MANAGER
KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED

ASSIST. EDITORIAL COORDINATOR

SITI NORAZAMI MOHAMED ANUAR
CORPORATE COMMUNICATION ASS. OFFICER
KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED

EDITORIAL COMMITTEE

DR ROSLI ALLANI ABDUL KADIR
SPECIAL OFFICER FOR CHAIRMAN OF ECONOMIC PLANNING,
FINANCE & WELFARE COMMITTEE

NORIZAN YAACOB

ACCOUNTS MANAGER
KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED

NIK MOHD SHAHRIZAL

LECTURER
D.D MULTIMEDIA SOLUTIONS SDN BHD

WRITER & EDITOR BY

CHE SHAMSUDIN OTHMAN (DINSMAN)
ENCIK KASIM MUHAMAD (BARAJIWA)

LAYOUT & GRAPHIC DESIGNER

MOHD HAIKAL ROZAINI
CORPORATE COMMUNICATION OFFICER
KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED

ASSOCIATE DESIGNER

- MOHD ASWADI B ABDULLAH
- MOHD KUSHAIRON BIN ABDULLAH
- KHAIRUL MIRWAN ABD RASHID
- MOHD AZIMI HASHIM

PHOTOGRAPHERS

AHMAD NA'IME HJ MUHAMMAD
CORPORATE COMMUNICATION ASS. OFFICER
KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED

MOHD ALI AKBAR YUSOFF (MAT ALI)

CORPORATE COMMUNICATION ASST. OFFICER
KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED

DISTRIBUTION

SHARIAH DERAHMAN
CORPORATE COMMUNICATION ASS. OFFICER
KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED

PUBLISHED & PRODUCED BY

KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED
6TH FLOOR, PMBK BUILDING, JALAN KUALA KRAI
15150 KOTA BHARU, KELANTAN, MALAYSIA.
TEL: +609-747 4082 FAX: +609-747 7815
WEBSITE: WWW.PMBK.GOV.MY
EMAIL: INFO@PMBK.GOV.MY

PRINTED & COLOUR SEPARATION BY


PERCETAKAN ZULRAHIM SDN BHD
LOT 1811, BANGUNAN KPKB, KAMPUNG PAYA RAMBAL,
15200 KOTA BHARU, KELANTAN, MALAYSIA.
TEL: +6013-943 8881 | +6019-997 6513

ADVERTISING, MARKETING & PROMOTIONS

FARRAH SHAREEZA & WAN NASRAH
FW MEDIA NETWORK
TEL: +6019-605 5699 / +6019-935 4301
EMAIL: FARRAH_MEDIA@YAHOO.COM

Kahfi

TOMYAM SEAFOODS



✓ **Nasi Air Special**

✓ **Tomyam Seafood Special**

A taste to remember!



For reservation and booking:



KAHFI TOMYAM SEAFOODS (1)
Lot 1930, Depan Taman Damai,
16250 Wakaf Bharu, Tumpat,
Kelantan
Tel: 013-959 8044

KAHFI TOMYAM SEAFOODS (2)

Lot 206, Jalan Puteri Saadong,
Wakaf Bharu, 16250 Wakaf Bharu,
Tumpat, Kelantan
Tel: 019-927 8001





COVER PAGE:
RED & WHITE ROSES

QIADAH

OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE
KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED

Roses are the traditional symbol for a woman, but they're certain to be well-known as the ultimate symbol of romantic love and enduring passion especially the red roses. Pure white roses symbolize truth and innocence. The combination of red roses and white roses are the perfect symbol for Kelantanese Women.

FOKUS TEMA

10 WANITA KELANTAN

PEMIMPIN

22 DATIN CEK YAH

PEMIMPIN

30 WAN UBAlDAH

PEMIMPIN

34 KAK ANI

PEMIMPIN

38 CHE ROGAYAH

PEMIMPIN

41 HAJJAH AISHAH

KELANTAN SANA-SINI

48 PASAR SITI KHADIJAH

TOKOH

53 TOK KENALI

KELANTAN SANA-SINI

60 MAAHAD MUHAMMADI (P)

DESTINASI

64 GUNUNG STONG

KELANTAN BRAND

68 KELANTAN DELIGHTS

70 TEROWONG MASA

FOKUS PMBK

74 MADINATUR RAUDHAH & BAZAR TOK GURU

AKTIVITI PMBK

80 SKIM BANTUAN IMAM AL-GHAZALI

AKTIVITI PMBK

82 MAULIDUR RASUL 1430H

AKTIVITI PMBK

84 BENKEL KARTUN & ANIMASI

AKTIVITI PMBK

86 LAWATAN DELEGASI TAIWAN

AKTIVITI PMBK

88 PROGRAM E-KIFAALAH

KELANTAN A-Z

90 KELANTAN ENCYCLOPEDIA

Terdapat satu surah di dalam Al-Quran, iaitu surah An-Nisa' (Surah Perempuan). Di dalam surah ini banyak membahaskan perihal Faraid, iaitu pembahagian pusaka menurut Islam. Ini menandakan pengiktirafan Islam terhadap golongan wanita...

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ
أَمْوَالِهِمْ فَأَلْصَلَّحَتْ قُنُوتٌ حَفِظَتْ لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ
فَعُظُوهُنَّ وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَأَضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ
سَبِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا ﴿٣٤﴾

"Lelaki itu adalah pemimpin/penjaga Yang bertanggungjawab terhadap perempuan, Kerana Allah telah melebihkan lelaki (dengan beberapa keistimewaan) keatas perempuan, juga kerana lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan Yang solehah itu ialah Yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan Yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua Yang wajib dipeliharanya) ketika ketiadaan suaminya, Dengan pemuliharaan Allah dan pertolonganNya. Dan perempuan Yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil pisahkan dirimu dengan mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka sudah taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusah/menyalahkan mereka. Sesungguhnya Allah itu Maha tinggi, lagi Maha besar" (Ayat 34 : Surah An-Nisa')

" Tugas Utama muslimah ialah melahirkan dan mendidik anak...peranannya jauh lebih besar jika nak dibandingkan dengan bekerja di pejabat...ini kerana peranan muslimah yang lebih utama ialah melahirkan zuriat yang soleh...zuriat inilah nanti pula bakal menjadi pemimpin besar kepada negara dan ummah pada masa hadapan..."

YAB Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Hj Nik Mat

There were moments when I have to brave turbulent stormy days, alone. You may call it as part and parcel of growing up. For me those childhood days were the tender moments which I can still vividly recall and cherish. And I always consider myself as amongst the luckiest. How do you for example forget a love so tender bestowed upon us by the Almighty through a human being called a mother? How do you cherish those vivid memories of care and love so unselfishly genuine? Your mother is the heat that warmed you during those long chilly cold nights. She is the wall that protects you from falling and she is the cook who feeds you when you are hungry. She wipes away the tears from your sadness.

Last but not least, she was the one who washed me whistled clean. She consoled my weary eyes to eat sahur during the fasting months. She hugged me tight when I was frightened. Oh, mother how do I ever repay your kindness?


For us, a mother is beyond the gender issue. For that matter, in Kelantan the question of gender has never been and is definitely a non-issue. Not that we are heavenly perfect in our man-woman relationship, but history has clearly demonstrated that the Kelantanese women are definitely a class above the rest. They were "emancipated" long before the idea of emancipation itself came into existence in the West. This is nothing strange. As Muslims, we have been guided to honour our women: As wives, daughters, sisters, and most important of course as mothers. For so long we have been taught to treat women with the highest honour and dignity.

For that Qiadah brings women, particularly the women of Kelantan to the centre stage. It is the theme of this issue. Long live and may Allah blessed our parents, especially our mother.

Salaam and regards,



Ir. Abdul Ariffahmi Ab Rahman



“Kalau kita kaitkan dengan pengertian emansipasi itu artinya dia bebas, dia berdiri di atas kaki sendiri, dan dia melakukan kegiatan dengan penuh kejayaan - ini telah dicapai oleh wanita Kelantan sejak zaman berzaman lagi...”

“Sejak dahulu lagi wanita Kelantan terkenal kerana kegiatan ekonominya. Berbanding dengan wanita di negeri-negeri lain, wanita Kelantan ini berbeza sedikit, kerana mereka keluar. Keluar dan melibatkan diri dengan kegiatan ekonomi. Paling dapat dilihat ialah apabila penjual di pasar-pasar besar itu sebahagian besarnya terdiri daripada wanita, baik wanita yang sudah berusia mahupun gadis-gadis atau remaja yang sedang belajar untuk menjadi jurujual. Lanjutan daripada ini kita dapati juga dalam perniagaan lain, seperti penjualan batik, penghasilan batik dan songket, dan sebagainya, memang wanitalah yang bergiat dengan cergas.”

Itulah kata-kata Profesor Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim, anak Kelantan yang aktif dalam pergerakan wanita dan pernah mengasaskan dan memimpin Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), apabila diminta pandangannya mengenai wanita Kelantan. Bekas pensyarah di Universiti Malaya yang kini menetap di Kuala Lumpur, Dr Nik Safiah seorang yang pakar dalam bahasa Melayu. Kini antara lain dia menjadi Presiden Persatuan Kemajuan Wanita Kelantan di Selangor dan Wilayah Persekutuan (PUSPA), yang turut diasaskannya pada tahun 2007.

Selanjutnya, bagi menggali ilmu dan pengetahuannya mengenai kelompok wanita Melayu yang kelihatan berbeza daripada wanita-wanita di luar Kelantan walaupun sama-sama Melayu itu, kita bertanya pula mengenai 'emansipasi'. Apakah konsep emansipasi wanita itu sesuai dengan sifat wanita Kelantan, ataupun tidak?

Wanita Kelantan: EMANSIPASINYA LEBIH AWAL DARIPADA EROPAH

Oleh : Dinsman Fotografi : Ahmad Na'ime



"Konsep emansipasi itu konsep Barat," jawab Dr Nik Safiah. "Kalau kita kaitkan dengan pengertian emansipasi itu ertinya dia bebas, dia berdiri di atas kaki sendiri, dan dia melakukan kegiatan dengan penuh kejayaan – oh itu telah dicapai oleh wanita Kelantan sejak zaman berzaman lagi. Dan ini disokong oleh kaum lelaki. Para suami, para bapa, tidak menghalang anak-anak dan isteri mereka keluar untuk menjalankan perniagaan. Kadang-kadang mereka ikut serta di belakang, kadang-kadang mereka tidak ikut serta tetapi memberi dorongan dari belakang. Jadi oleh sebab tiada halangan ini maka kita dapati kemajuan wanita dalam bidang ekonomi ini luar biasa."

Dan pensyarah sambilan di Rancangan Pengajian Gender di Universiti Malaya ini menjelaskan lagi: "Jadi emansipasi itu – kalau kita nak gunakan istilah itu, saya rasa tak sesuai istilah itu, tetapi maknanya, memang bolehlah dikatakan – telah tercapai jauh lebih awal daripada konsep emansipasi itu sendiri."

Wah, hebatnya wanita Kelantan! Telah mencapai emansipasi sejak zaman berzaman. Sebelum orang Barat kenal dengan istilah itu lagi wanita Kelantan sudah mencapainya.

'Emansipasi', seperti semua kita maklum, adalah satu konsep pembebasan wanita, yang perjuangan bagi mencapainya berlaku di seluruh dunia. Ia suatu konsep yang hadir bersama-sama dengan kemodenan. Masyarakat yang moden dikatakan adalah masyarakat yang wanitanya sudah mencapai emansipasi. Di sesetengah negara, termasuk negara Eropah, wanitanya perlu berjuang untuk mencapai emansipasi, yakni untuk diiktiraf bahawa mereka juga mempunyai hak untuk belajar, bekerja, berniaga, memiliki harta dan sebagainya, sama seperti lelaki.

Mengikut Baterah Alias dan Che Zarrina Sa'ari dalam buku mereka, Islam dan Emansipasi Wanita (2006, Penerbit Universiti Malaya), istilah 'Emansipasi Wanita' membawa makna yang

'Emansipasi Wanita' membawa makna yang hampir sama dan berkaitan dengan istilah-istilah 'Women's Liberation', 'Women's Rights' dan 'Feminisme' ...

hampir sama dan berkaitan dengan istilah-istilah 'Women's Liberation', 'Women's Rights' dan 'Feminisme', iaitu berkaitan dengan gerakan pembebasan wanita. 'Emansipasi Wanita', kata mereka, bermaksud "wanita bebas daripada sebarang kongkongan samada dari aspek ekonomi, sosial dan politik." (hal.1-2)

Dalam sejarah budaya kita, novel-novel dan cerpen-cerpen awal karya Syed Sheikh Alhadi dan Ahmad Rashid Talu dikatakan membawa persoalan emansipasi wanita, yang dianggap sebagai antara persoalan moden waktu itu. Wanita dalam masyarakat kita di sekitar tahun-tahun 1920-an dan 30-an dikatakan belum berfikir bebas, maka itu penulis-penulis seperti Syed Sheikh Alhadi, Ahmad Rashid Talu dan Abdul Rahim Kajai dikatakan telah membawa pemikiran moden ke dalam masyarakat Melayu, antaranya melalui persoalan emansipasi wanita dalam karya-karya mereka.

Tetapi rupa-rupanya wanita Kelantan telah pun mencapai emansipasi itu jauh lebih awal daripada wanita Barat sendiri. Seperti kata Dr Nik Safiah – jauh lebih awal daripada lahirnya konsep emansipasi itu lagi. Ternyata wanita Kelantan adalah unik dan istimewa. Sayangnya perkara ini belum mendapat perhatian serius daripada para ahli akademik kita, maka belum ada kajian dibuat ke atasnya. Buku Baterah Alias dan Che Zarrina yang berkenaan pun tidak menyentuh perkara ini.

Mari kita bertanya lagi kepada tokoh budaya yang pakar di bidang linguistik Melayu ini. Pernah menjadi Presiden Persatuan Linguistik Malaysia selama 18 tahun, Dr Nik Safiah juga pernah dilantik menjadi pengerusi Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Mengintegrasikan Wanita dalam Pembangunan (NACIWID), sebuah badan bagi menasihati kerajaan tentang hal ehwal wanita. Kini badan itu diubah namanya menjadi Majlis Penasihat Wanita Negara. Kita tanya dia mengenai Women's Liberation, apakah ada relevannya dengan masyarakat wanita di Kelantan.





Perusahaan serunding di Perkampungan Serunding Daging di Kubur Maras, Kota Bharu, Kelantan

Jawab Nik Safiah: "Dalam konteks wanita Timur, dan terutamanya wanita Kelantan, soal Women's Liberation itu adalah soal konsep Barat. Wanita Barat tidak mendapat kebebasan. Secara umumnya mereka seolah-olah dihormati – dibuka pintu kalau dia nak masuk, ditarikkan kerusi untuk dia duduk, tetapi dari segi lain tidak wujud kebebasan. Dia tidak boleh mempunyai perniagaan sendiri. Nak buka akaun bank pun wanita yang berkahwin tidak boleh berbuat demikian, tetapi dia mengambil manfaat daripada suaminya. Dia boleh buka akaun atas nama suaminya. Tetapi hal yang demikian tidak berlaku di negara ini. Seorang wanita boleh membuka perniagaannya sendiri. Dulu tak payah berdaftar apa-apa, sekarang atas sebab peraturan moden, dia boleh berdaftar dan dia boleh mempunyai harta dan sebagainya."

Tengok! Jangan kita jadi tertipu. Nampak sahaja "mereka seolah-olah dihormati", tetapi sebenarnya tidak. Manakala kita di Malaysia yang pernah dijajah oleh Inggeris (Barat) dan masih ada yang berfikir seperti orang yang dijajah (melihat tamadun Barat itu lebih tinggi dan mulia), maka kita pun terpengaruh dengan dakyah Barat yang mengatakan kita masih mundur dan perlu belajar segala-galanya daripada sana, termasuklah juga soal kebebasan wanita (Women's Liberation). Padahal wanita-wanita kita sudah lama menikmati taraf dan kedudukan yang ingin dicapai oleh wanita-wanita Barat itu.

Inilah persoalan kita. Disebabkan perbezaan fahaman politik, maka ramai orang Malaysia yang di luar Kelantan menganggap bahawa



Pandangan Nik Safiah ini juga disokong oleh Baterah dan Che Zarrina. Melalui buku mereka berkenaan, mereka menceritakan bahawa "keadaan wanita di Perancis amat menyedihkan hingga ke hari ini, wanita masih tidak dapat pembelaan yang sewajarnya, mereka disisihkan daripada undang-undang sebagai tidak layak untuk mendapat hak sivil sepenuhnya. Suatu hal yang ketara apabila seorang perempuan berkahwin, maka secara automatik namanya dan keluarganya hilang, ditukarkan nama baru yang dikenali sebagai Mrs. Dengan kehilangan itu akan hilanglah namanya sendiri dan nama keluarganya. Semuanya dimasukkan ke dalam nama suaminya." (hal.22)

wanita di Kelantan didiskriminasi, ditindas, dikongkong, tidak diberi kebebasan dan sebagainya. Tetapi betulkah tanggapan itu? Dengan kaca mata apa kita gunakan maka kita membuat penilaian demikian? Seperti dibuktikan oleh Nik Safiah, bahawa wanita Kelantan lebih dulu menikmati kebebasan dibandingkan dengan wanita Barat pun. Maka mengapa kita merelakan diri diperdaya oleh penilaian Barat yang mengatakan wanita kita mundur dan tidak bebas?

Kita berdialog lagi dengan Nik Safiah. Kali ini dengan nada yang lebih polos, menyentuh perkara yang kelihatannya seperti politik itu.



mengagumkan. Dan mereka sekarang telah mula masuk ke dalam kegiatan ekonomi selaras dengan kemajuan yang berlaku dalam dunia ini."

Masalah kita ialah bagaimana kita menilai sesuatu pada hari ini. Kita jarang sekali mempersoalkannya, sedangkan dunia informasi dan komunikasi hari ini terlalu banyak pencemaran, tanpa kita menyedarinya. Atau tanpa sempat kita menyedarinya, disebabkan asakan serangan yang bertubi-tubi oleh agen-agen hiburan dan informasi Barat yang halus tapi jahat strateginya itu. Kotak maklumat dalam minda kita pun penuh pencemaran, melainkan mereka yang sentiasa ikhlas membersihkannya dengan siraman peringatan-peringatan Allah dari al-Quran.

Semoga pandangan Dr Nik Safiah Karim ini dapat memperbetulkan tanggapan sebahagian daripada kita, untuk melihat semula tempat dan kedudukan kita yang sebenar, tanpa menggunakan kacamata dakyah Barat.

Orang kata PAS mengongkong kebebasan wanita, hingga di Kelantan wanitanya tidak dapat maju seperti wanita-wanita di negeri lain di Malaysia. Sebenarnya ini bukan perkara politik, tetapi seperti tadi, kita mahu melihat wanita-wanita itu sebagaimana melihat wanita-wanita lain juga, majunya atau tidaknya, tanpa mempedulikan sekitaran politik. Maka perhatikanlah apa jawapan wanita yang bergelar Profesor Emeritus yang pernah menerima pelbagai anugerah ini:

"Saya rasa wanita Kelantan turut maju dalam proses kemajuan yang dialami dalam negara kita Malaysia. Saya tidak melihat perbezaan taraf kemajuan yang dicapai samada dalam negeri yang diperintah oleh kerajaan PAS atau negeri yang diperintah oleh kerajaan Barisan Nasional. Hanya saya perhatikan PAS tidak menghalang kemajuan yang boleh dicapai oleh wanita. Bahkan memang Islam itu sentiasa menghormati kaum wanita, dan menggalakkan wanita melakukan kegiatan-kegiatan yang tidak mendatangkan mudarat. Jadi oleh itu saya perhatikan kemajuan yang dicapai di negeri Kelantan, di kalangan wanita memang



The Kelantanese Women: AN EMANCIPATION THAT SURPASSES HER EUROPEAN COUNTERPARTS

"Ever since the old days the Kelantanese women are well-known for their economic activities. Compared with women of the other states, the Kelantanese women are slightly different. Economically they are more adventurous; they venture outside to be involved in economic activities. Most significant are the ones in the big wet markets mostly women, young and old: Their youths eager learning to be sales-girls. Apart from that we can see their involvement in other businesses, such as batik selling, batik and songket manufacturing. The women are much more active."

Those are the words of Professor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim, actively involved in the women's movement; she formed and led the Islamic Women Action Association (PERTIWI). Nik Safiah was asked of her opinion on the Kelantanese women. The ex-lecturer of University of Malaya who now resides in Kuala Lumpur is also Malay language expert. She is the President of The Association for the Development of the Kelantanese Women in Selangor and the Federal Territory (PUSPA) which she helped established in 2007.

To further solicit her expertise on a group of the Malay women who are obviously different from their non-Kelantan counterparts, we sought her opinion on 'emancipation'. Is the concept of the women's emancipation in tandem with the characters of the Kelantanese women? Is that so?

"Emancipation is a western concept," explained Nik Safiah. "If we relate emancipation to mean her freedom, and that she is independent, performs her activities successfully – Alas! That has long been achieved by the Kelantanese women, since ages. And mind you, this has the support of the men. The fathers and the husbands never prevent their daughters, their wives from owning and carrying out their own businesses. Sometimes it is the men who are behind the scene; offering their support and



encouragement. Since there is no such objection from the men, we find that the development of the women in the field of economy is tremendous."

The part-time lecturer of the Gender Studies Programme at University of Malaya further explained: "If we were to use the term emancipation here, I do not think that is appropriate for emancipation has been achieved long before the concept of emancipation itself comes into existence"



Look at that! How fantastic are the Kelantanese women! Since ages they have achieved emancipation. Long before the Westerners know the term, the Kelantanese women have achieved it.

"Emancipation" as we are aware seeks to liberate the women, and the struggle to achieve it is happening world-wide. It co-exists hand in glove with modernisation. A society is said to be a modern one if its women have achieved their emancipated status. In some countries Europe included, its women have to struggle to be emancipated, i.e. to be recognised of their rights to education, work, to carry out business activities, to own properties like men.

According to Baterah Alias and Che Zarrina Sa'ari in their book, *Islam dan Emansipasi Wanita (Islam and Women's Emancipation)* (2006, Penerbit Universiti Malaya), the term women's emancipation has almost a similar meaning with terms such as 'Women's Liberation', 'Women's Rights' and 'Feminism' i.e. it is related with the women's liberation movement. "Women's emancipation" so they say, mean "women freed from any form of suppression be it either economic, social or political aspects." (page 1-2)

In the history of our culture, early novels and short stories by writers such as Syed Sheikh Alhadi and Ahmad Rashid Talu portrayed themes related to women's emancipation which is said to be amongst the modern themes of the time. It is also said that our women of 1920s and the 1930s were not open; hence it took writers such as Syed Sheikh Alhadi, Ahmad Rashid Talu and Abdul Rahim Kajai to infuse modern thinking

Very much earlier than the birth of concept of emancipation itself. It is obvious that the women of Kelantan are indeed special and unique. Unfortunately this matter has yet to receive serious attention from our own academicians

concepts and ideas into the Malay society i.e. by deliberating the topic of women's emancipation in their writings.

However surprisingly enough the women of Kelantan have emancipated much earlier than their western counterparts. Just as proclaimed by Nik Safiah – very much earlier than the birth of concept of emancipation itself. It is obvious that the women of Kelantan are indeed special and unique. Unfortunately this matter has yet to receive serious attention from our own academicians: No studies have so far been conducted in this area. The book by Baterah Alias and Che Zarrina on this subject too does not touch on the matter.

Let us further enquire from the cultural figure, an expert in Malay linguistics who has been the President of Linguistic Society Malaysia for 18 years. Dr. Nik Safiah has also been elected as the chairman of The National Advisory Council for the Integration of Women in Development



Profesor Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim

Yes! Do not be deceived. Seemingly on the surface it appears that the western women are respected, however they are not. In reality it is the reverse. We were once colonised by the British and unfortunately there are still those among us whose thoughts are still colonised (These are those who believe that the western culture is much more superior to ours). Such is the influence of the western propaganda; we believe that we are backward hence we have to relearn everything from them, including on the issue of women's liberation. In reality our women have so long have been enjoying the level of freedom and dignity yearned by the western women.

It is indeed unfortunate that due to the political differences, many of those outside Kelantan who are of the opinion that the women of Kelantan are being discriminated against, suppressed, curbed and are being denied of their freedom. Is such a view correct? Whose yardstick are we using when we reach such a conclusion? As pointed out by Nik Safiah, the women of Kelantan have so long enjoyed that freedom, much earlier if compared with their western counterparts. Why must we allow ourselves be cowed by Westerners and to believe that our women are backward and are curbed?


Let us seek the opinion of Nik Safiah on an aspect which some might think as something political. Some people tend to think that PAS has curbed the freedom of its own women so much so they are not as advanced and free as their counterparts in the other states. In actual fact there is nothing political about the whole issue. It is our aim to see that see our women progressive, honoured and dignified be whatever the political situation is. This is what Nik Safiah has to say:

"I feel that the women of Kelantan have progressed in Malaysia. I do not see the difference in the level of development be it for a state ruled by Pas or that of the Barisan Nasional. In my observation I notice that the Pas government has not curbed the progress that could be achieved by the women. In actual fact Islam allows its women to be involved and excel in activities that are not detrimental to their well being. I observe that the progress achieved by the women of Kelantan is indeed encouraging. They have started to be involved in the economic sector which is in line with the global development."

(NACIWID), a body responsible in advising the government on women's affairs. Now the body has since been renamed as The National Women's Advisory Council. We ask her what relevance has Women's Liberation on the women's society in Kelantan.

To this Nik Safiah, explained: "In the context of the Eastern women, especially the Kelantanese women, the Women's Liberation is a western concept. The western woman is not liberated. Outwardly she may appear to be respected - the door is opened if she wants to enter, the chair pulled if she wants to sit down, however when it comes to the other aspects the freedom stops. She cannot own her own business. A married woman may start a bank account under her husband's name.

Nik Safiah's views are supported by Baterah and Che Zarrina. In their book, they observed that "To this day the predicament of the French women is indeed saddening; they are unable to have access to rightful justice, they are lawfully excluded and denied of their civil rights. A glaring situation exists when a woman is married for she automatically loses her identity: Her family name and hers. She is transformed into a new name and becomes a Mrs of the husband."



What then is our problem? It is the way we evaluate information that is being forced down our throats. Seldom do we question its integrity and authenticity. We accept things at face value. We fail to realise that much of the information we received are skewed and distorted; hence its accuracy is of suspect. The intense and continuous attacks by the western entertainment mongers and propagandists have corrupted our minds. These corrupted minds need constant cleansing and reminders from words of the Al-Mighty.

Hopefully the above views from Nik Safiah Karim are able to help correct misconception and distortion among some of us. Perhaps with that are then able to accurately evaluate our true position, without being influenced by the western propaganda.



It is the way we evaluate information that is being forced down our throats. Seldom do we question its integrity and authenticity. We accept things at face value. We fail to realise that much of the information we received are skewed and distorted; hence its accuracy is of suspect.



YABhg Datin Tuan Sabariah Tuan Ishak
Foto rasmi setelah bergelar wanita pertama Kelantan pada tahun 1990.



SENTUHAN JEMARI HALUS
DATIN CEK YAH
wanita istimewa di sisi
TOK GURU

Sebut sahaja nama Tok Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat, semua lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama mengenalinya. Namun rentetan sejarah kehidupan isteri seorang pejuang itu agak terasing, bahkan ramai yang tidak mengenali jerih perih 'permaisuri' di hati pejuang Islam yang dihormati itu.

Oleh : Salmah Mat Husain

Fotografi: Ahmad Nai'me, Mohd Ali Akbar, Rizal Tahir

Datin Tuan Sabariah Tuan Ishak seringkali dilihat menemani Tok Guru ke mana sahaja, samada untuk urusan rasmi kerajaan, parti atau lawatan ke luar negara. Ramai juga

yang mengetahui pasangan suami isteri yang 'ideal' ini mempunyai 10 orang cahaya mata dan 51 orang cucu, juga ramai yang menyedari kesantunan Datin Tuan Sabariah sebagai isteri kepada seorang ulamak yang dihormati. Namun tidak ramai yang mengetahui sejauh mana suka duka, pahit manis, sedih pilu, sepi rindu, dan duka lara hati seorang wanita yang seringkali mendapat ujian demi ujian dari Allah SWT.

Suasana petang yang tenang dan sedikit berangin menyambut kami di laman Pulau Melaka. Kelihatan pelajar Maahad Darul Anuar sedang beriadah di tepi bangunan sekolah yang telah lama berjasa itu. Setelah salam diberi, pintu dibuka oleh pembantu untuk kami memasuki ruang tamu perempuan yang terletak di bahagian belakang rumah. Dimaklumkan ruang tetamu lelaki dan perempuan sememangnya terpisah di rumah tersebut.

Tiba-tiba muncul wajah lembut yang manis sentiasa murah dengan senyuman menyantuni kami sementara kami masih membetulkan kedudukan. Namun tidak ramai yang mengetahui gundah di jiwa pernah bersalut di tangkai hatinya.

Betapa tidak, hasil perkongsian hidup bersama Nik Abdul Aziz pada November 1962, ketika masih anak dara remaja berusia 14 tahun, dan akhirnya dikurniakan anak lima lelaki dan lima perempuan, diasuh dan dididiknya sendiri hingga berjaya, baik di bidang akademik mahupun ilmu untuk akhirat. Tidak hairanlah – pada suatu hari Nik Aziz memuji isteri kesayangannya itu, bahawa kejayaan yang dicapai oleh anak-anaknya yang sebahagiannya berjaya hingga ke 'menara gading' adalah hasil didikan dan asuhan isterinya seorang. Ada yang melanjutkan pengajian ke Timur Tengah – Mesir dan Jordan, dan ada pula yang ke Pakistan dan India.

Pernah Tok Guru Nik Aziz menyatakan, isterinyalah yang memainkan peranan utama mendidik kesemua anak-anaknya. Sedangkan dia sebagai seorang guru agama dan seorang ahli politik, sentiasa dalam keadaan sibuk.

"Memang tugas mendidik Tok Guru banyak

serahkan kepada saya. Samada dari segi membaca al-Quran, solat, menulis atau membaca di peringkat awal, saya yang mengajar," ujar Tuan Sabariah yang lebih mesra dengan panggilan Datin Cek Yah, sambil tersenyum.

Kemahiran untuk melakukan semua itu perlu dimiliki demi menunaikan dan menyempurnakan tanggungjawab sebagai seorang isteri dan ibu, lebih-lebih lagi keluarga kepada seorang yang cukup disegani.

Mengimbau kembali kenangan sewaktu bersama anak-anak, khususnya sekitar tahun 60-an dan 70-an, ia begitu menyentuh rasa. Bayangkan beliau ditinggalkan Tok Guru bukan sahaja pada siang hari yang kebetulan tugasnya sebagai guru agama di Sekolah Darul Anuar Pulau Melaka, tetapi juga pada waktu malam, kerana suaminya juga mengajar di merata tempat.

Jarak semakin jauh terasing antara dirinya dan anak-anak, dengan Tok Guru, apabila suami kesayangannya itu terlibat secara langsung sebagai ahli politik. Pertama kali Nik Aziz bergelar wakil rakyat pada tahun 1967, apabila dia menang kerusi Parlimen Kelantan Hilir. Sebagai anggota Parlimen, tempoh persidangan yang perlu dihadapinya di Parlimen (Kuala Lumpur) begitu panjang, khususnya belanjawan, selama tiga bulan.

"Dalam tempoh itu hanya tiga hari dalam seminggu kami bersama Tok Guru. Waktu itu anak baru tiga orang, dan kesemuanya masih kecil lagi," ujar Tuan Sabariah, menceritakan pengalaman yang dilaluinya.

"Waktu dulu tak macam sekarang. Sekarang lampu jalan dah masuk ke kampung. Suasana juga tidaklah sesunyi dulu. Kalau dulu nak masuk Maghrib hari macam dah nak malam, gelap pekat sunyi sepi. Rumah pula hanya diterangi lampu minyak tanah. Silap haribulan padam dengan sendiri kalau kehabisan minyak.

"Saya siapkan anak-anak awal lagi, lepas mandikan mereka, untuk sama-sama menunaikan solat Maghrib berjemaah dan Isyak. Lepas tu makan malam. Sedangkan Tok Guru sudah tiada di rumah. Begitulah hari-hari," ujarnya.

Apa yang membanggakan, Datin Cek Yah



Datin Cek Yah bersama cucu-cucu yang tersayang



sentiasa memastikan setiap orang anaknya akan khatam al-Quran pada usia sembilan tahun, dan memastikan mereka akan terus membaca al-Quran walaupun mereka sudah dewasa.

Bukan itu sahaja, dia juga turut menekankan solat berjemaah, khususnya apabila anaknya berusia tujuh tahun. "Kalau tak mahu, saya denda dia sampai dia rajin untuk melakukannya. Dan alhamdulillah, ajaran Rasulullah itu ternyata membuahkan hasil sekiranya kita benar-benar mempraktikkannya," ujarnya lagi.

Menyentuh soal masakan pula, Datin Cek Yah gemar memasak sendiri untuk hidangan anggota keluarga, sejak dari dahulu hinggalah sekarang. Walaupun mempunyai pembantu, mereka itu dikhususkan untuk mengemas rumah dan menjaga cucu-cucunya sahaja. Tanggungjawab memasak untuk anggota keluarga, apalagi untuk suaminya, dilaksanakannya sendiri.

"Memasak sendiri makanan di rumah sebenarnya lebih baik daripada membeli di kedai," katanya. "Ia akan menerbitkan rasa kasih sayang yang berpanjangan dalam keluarga, kerana anggota keluarga sentiasa menikmati

'airtangan' yang dimasak sendiri oleh ibu atau isteri mereka. Kasih sayang akan sentiasa melimpah ruah."

Datin Cek Yah pun begitu prihatin terhadap pakaian suaminya. Setiap pakaian yang akan dipakai Tok Guru digosok sendiri dengan rapi. Kiranya jubah atau baju melayu itu terlalu labuh, dia sendiri akan membaik pulihnya. Sekiranya terdapat kesan hitam atau kuning biar hanya sedikitpun, dia tidak akan membenarkan Tok Guru memakainya.


Menurutnya, sebagai seorang ketua kerajaan, seorang pemimpin yang sentiasa mendapat perhatian ramai, dia harus menjaganya agar sentiasa memenuhi protokol majlis.

"Lagipun memang menjadi kebiasaan saya untuk membuat perkara yang terbaik untuk suami sebelum ditegur oleh Tok Guru," ujarnya sambil tersenyum.

Menurutnya lagi, Tok Guru tidak gemar memakai kain yang berwarna terang, serta dari jenis yang tebal dan kasar, kerana akan terasa berat serta tidak selesa sewaktu memakainya. Sekiranya

licin pun Tok Guru tidak boleh juga memakainya, kerana sejuk, terutama jenis kain yang nipis.

Ditanya adakah Tok Guru pernah menerima pemberian atau cenderahati dari seseorang berupa kain, dia memberitahu ia pernah berlaku. Bagaimanapun hanya segelintir sahaja yang dapat dipakainya, kerana masalah yang disebutkan tadi. Berbanding dengan wangian seperti minyak atar, Tok Guru tidak akan menolaknya sekiranya dihadiahkan oleh seseorang, kerana dia gemar memakai wangian asalkan baunya tidak terlalu keras.



Dilihat pada luarannya, Tok Guru Nik Aziz seorang yang lembut. Namun di sebalik kelembutan itu tersemat sifat yang tegas, khasnya dalam membuat sesuatu keputusan. Sebagai contoh, kata Datin Cek Yah, sekiranya dia ingin ke mana-mana atau melawat sesuatu tempat, sekiranya Tok Guru tidak benarkan dia pergi, usahlah merayu lagi, kerana sudah pasti suaminya tidak akan membenarkannya. Dia yang memahami sikap suaminya itu sentiasa akur dan tidak membantah.

Perlu juga didedahkan di sini ialah keistimewaan Tok Guru dalam menunaikan solat, baik solat fardhu, solat sunat fardhu ataupun solat malam. Tok Guru menjaganya sebaik mungkin, dan melaksanakannya dengan penuh khusyuk dan tertib.

"Tok Guru begitu menjaga solatnya," kata Datin Cek Yah. "Setengah jam nak masuk waktu, dia sudah siap berwudhu'. Begitu juga dengan solat sunat waktu malam atau qiamullail, walaupun demam, dia tetap akan melaksanakannya."



"Saya bersyukur kerana dikurniakan seorang suami yang melimpah ruah dengan kasih sayang serta beriman kepada Allah. Setiap apa yang diajarkan pada orang ramai menerusi kuliah-kuliahnya, telah diamalkan sejak awal lagi," ujarnya lagi.

Kini sembilan daripada 10 orang anak-anaknya telahpun mendirikan rumah tangga, kecuali anaknya yang bongsu yang kini sedang melanjutkan pengajian dalam bidang perundangan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Hasil perkahwinan sembilan orang anak-anaknya itu juga secara automatiknya dia pun mempunyai sembilan orang menantu – lelaki dan perempuan. Datin Cek Yah tidak pernah membezakan antara anak dan menantunya. Kesemua menantunya dilayan sama rata sebagaimana anak sendiri.



"Saya tidak ada masalah dengan menantu, baik menantu lelaki atau menantu perempuan, sebab setiap pilihan anak-anak saya semuanya baik belaka dan tentunya mereka di kalangan orang yang beriman. Kerana pilihan yang bijak dan tepat itu, tidak ada kerendah di kalangan mereka," ujarnya.

Dengan cucu-cucunya yang 51 orang itu pula, Datin Cek Yah boleh ingat semua nama mereka. Mereka memanggilnya 'nenda'. "Bukan setakat nama, cucu dari anak yang manapun saya ingat, terutama 14 orang yang duduk dengan saya, lagilah kenal tingkah laku mereka," ujarnya sambil tersenyum.

Biarpun terpaksa berhadapan dengan kerendah cucu-cucunya yang ramai itu, khasnya dalam pertemuan keluarga pada setiap malam Khamis, ia bukanlah sesuatu yang membebaskan baginya. Sebaliknya dia begitu seronok dan bersyukur dikurniakan anak serta cucu yang ramai.

Menurutnya Tok Guru juga begitu. Seronok melayan cucu-cucunya, sehinggakan mereka sentiasa menyentuh dan bergurau dengan Tok Ku-nya. Berbanding dengan sikapnya sewaktu melayan kerendah anak-anaknya di waktu kecil dulu, dia langsung tidak biasa dengan situasi begitu.

Pada masa lapang, Datin Cek Yah juga terlibat dengan aktiviti kebajikan dan sosial terutama melalui PURNAMA iaitu Persatuan Isteri-isteri Wakil Rakyat yang mana Datin Cek Yah bertindak sebagai Pengerusi. Ujar Datin Cek Yah lagi, "PURNAMA banyak memberi panduan kepada isteri-isteri wakil rakyat terutamanya yang baru untuk bergaul dan meladani masyarakat setempat. Saya banyak memberi tips dan panduan kepada mereka berdasarkan kepada pengalaman saya menjadi isteri wakil rakyat sejak 1967. Masalah rakyat bawahan memang banyak tapi kita perlu menggunakan kebijaksanaan untuk mengambil hati walaupun kadang-kadang hajat mereka tidak dapat dipenuhi sepenuhnya."



Tok Ku, Nenda dan cucu-cucu di Pulau Melaka



Datin Cek Yah bersama Tok Guru semasa Majlis Pelancaran Bidadari Dari Timur



Datin Cek Yah melawat mangsa kebakaran tempat tinggal

Apabila ditanya mengenai pengalaman pahit sudah tentu tempoh anaknya, Nik Adli ditahan di bawah ISA menjadi tempoh paling sukar. Sebagai seorang ibu, hati Datin Cek Yah pernah terluka disebabkan anaknya Nik Adli ditangkap dan ditahan, sedangkan dia sendiri tidak tahu apakah kesalahan anaknya itu hingga ke hari ini.

"Waktu itu hanya pada Allah saya memanjatkan doa dan berserah, agar Nik Adli dibebaskan. Saya tahu dia tidak bersalah. Saya tahu, saya yang mengandung dia, melahirkan dan mendidik dia hingga dewasa. Hati saya semakin tersentuh apabila melihat dua orang anaknya yang masih kecil serta tidak mengerti apa-apa ditinggalkan bersama ibunya," ujar Datin Cek Yah. Kini Nik Adli sudahpun dibebaskan dan meneruskan hidup seperti biasa.

Di akhir pertemuan kami, Datin Tuan Sabariah yang sentiasa anggun berbaju kurung dan bertudung labuh itu, mengharapkan keluarga besarnya sentiasa berada dalam keadaan aman dan sejahtera sentiasa.

Dia juga turut mengingatkan para ibu seluruhnya supaya sentiasa menekankan soal pendidikan anak-anak. Bersusah payah mendidik anak-anak sebagaimana mereka bersusah payah melahirkan anak. Kerana ibu yang baik akan mendidik anak-anaknya dengan penuh kasih sayang serta menjaga keluarga dengan sebaik mungkin.

TATAPAN ISTIMEWA...

- Tok Guru tidak pernah menggunakan dompet. Wang biasanya dibawa dalam jumlah yang kecil dan dimasukkan ke dalam sampul surat.
- Tok Guru tidak pernah menggunakan sikat rambut kerana rambutnya sentiasa dicukur sejak dari kecil lagi (tidak pernah panjang).
- Tok Guru mengandam (*trim*) misai dan janggutnya, setiap pagi supaya ia kelihatan rapi.
- Tok Guru gemar berkebun pada masa lapang dan gemar juga menembak tupai.
- Tok Guru selalu menziarahi pusara arwah ayahanda dan bondanya, kebiasaannya pada pagi Sabtu.
- Tok Guru meletakkan mas kahwin pada anak atau menantunya hanya RM 1000 sahaja untuk memberi contoh kepada masyarakat supaya merendahkan mahar.
- Semua anak, menantu dan cucu akan berkumpul di rumah Tok Guru pada setiap Rabu malam Khamis untuk perjumpaan mingguan keluarga.
- Anak bongsu Tok Guru adalah sebaya dengan cucu pertama Tok Guru.
- Tok Guru merancang supaya semua anak menantunya akan menetap di Kampung Pulau Melaka untuk dibangunkan sebagai pusat ilmu.
- Tok Guru mempunyai dua pasang cucu kembar iaitu sepasang lelaki dan sepasang perempuan.

Wan Ubaidah | membina keluarga mawaddah Kelantan

:: oleh ~ Kassim Muhamad & Dinsman
:: foto ~ Mohd Haikal

APABILA kerajaan PAS Kelantan pimpinan Tok Guru Datuk Nik Abdul Aziz memutuskan untuk melantik seorang wanita, buat pertama kalinya dalam sejarah PAS mentadbir kerajaan negeri, bagi menganggotai saf Exconya, wanita pertama yang terpilih itu ialah Hajah Wan Ubaidah binti Omar, ADUN yang menang tanpa bertanding bagi kawasan Kijang, dalam pilihan raya umum Mac 2008.

Dilahirkan di Kota Bharu pada tahun 1956, Wan Ubaidah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Ismail Petra, pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kota Bharu dan Maktab Sultan Ismail, dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke Institut Teknologi Mara (UiTM), dan memperolehi ijazah MBanya di Universiti Southern Illinois, Amerika Syarikat.

Wan Ubaidah memulakan kerjaya pada tahun 1983 sebagai Pensyarah di Yayasan Pelajaran Mara, kemudian beralih ke jawatan Pegawai Latihan di Permodalan Kelantan (1991), Pegawai Latihan di PKINK (1994), dan Pengurus Hal Ehwal Akademik di Institut Teknologi Darulnaim (1997), hingga dilantik menjadi Ahli Dewan Negara (Senator) pada tahun 2006.

Untuk mengikuti misi dan visi ibu kepada tujuh orang anak yang kini memegang portfolio Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan ini, QIADAH telah menemuinya pada 26 Mei, bertempat di JKR 10, dan merakamkan wawancara singkat berikut:

QIADAH: Apabila diamanahkan memegang tanggungjawab Exco ini apakah cabaran utama yang YB hadapi?

WAN UBAIDAH: Cabaran utama ialah tidak adanya prosedur bertulis untuk dijadikan panduan. Kita kena belajar dan menimba pengalaman dengan orang lain. Jadi betul-betul perlu timba pengalaman mereka yang lebih lama menjadi Exco. Mungkin cabaran besar ialah sebagai satu-satunya wanita yang berada dalam Exco, dan berdepan dengan exco-exco yang lebih senior. Untung juga saya pernah menjadi pensyarah dan pentadbir institusi, jadi agak biasa dengan keadaan dan suasana pentadbiran. Memang salah satu cabaran besar ialah berdepan dengan Tok Guru, dan exco-exco kanan seperti Datuk TMB, YB Datuk Husam dan YB Datuk Takiyuddin.

QIADAH: Wawasan atau aspirasi YB?

WU: Kita ada Unit Wanita, kalau tak salah sejak 1995, kemudian Urusetia Wanita ditubuhkan dalam tahun 2004, di bawah YB Abd Fatah Mahmud. Kemudian dipecahkan pula menjadi Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan, diasingkan daripada Belia. Wawasan kami ialah biarlah kami sebagai Urusetia boleh

melakukan sesuatu yang bermakna untuk wanita-wanita Kelantan khususnya, dan rakyat Kelantan umumnya.

Tindakan pertama kami ialah berusaha mendapatkan satu pejabat berasingan, iaitu Urusetia Wanita sendiri. Biar mudah kaum wanita datang menemui kami. Insha'Allah kami akan berpindah ke pejabat baru, iaitu di kawasan Telipot berdekatan Masjid Telipot. Di sana kita wujudkan Unit Kaunseling. Urusetia Wanita ini akan berfungsi sebagai one-stop centre untuk kaum wanita datang dan mendapatkan bantuan dalam menyelesaikan masalah, misalnya membantu menangani krisis keluarga, khidmat kaunseling, khidmat nasihat perniagaan dan lain-lain. Dalam perniagaan contohnya, bagaimana mereka boleh mendapatkan modal untuk berniaga, agensi mana yang boleh memberikan bantuan, dan sebagainya.

QIADAH: Kita melihat wanita Kelantan umumnya jauh ke depan dalam bidang keusahawanan, jika dibandingkan dengan wanita-wanita lain. Contohnya peranan keusahawanan wanita di Pasar Siti Khadijah itu ialah sesuatu yang unik. Pandangan YB?

WU: Memang kita tidak nafi, kalau kita bandingkan dengan wanita-wanita lain, sifat keusahawanan wanita Kelantan itu memang lebih menyerlah. Jika tidak ada halangan mereka akan berniaga biarpun secara kecil-kecilan saja, hatta menjual nasi lemak atau menjual kain batik sehelai. Sifat ini tertanam dalam kalangan wanita Kelantan. Apa yang perlu ditingkatkan ialah mengusahakan supaya ia menjadi lebih besar, berskala besar. Saya belum berpuas hati kerana saya rasa taraf keusahawanan ini umumnya masih di peringkat yang di Kelantan ini disebut sebagai 'Tok Peraih'. Kita mahu usahakan supaya tahap keusahawanan ini jauh lebih ke depan. Memang kita ada contoh usahawan-usahawan wanita Kelantan yang berjaya seperti kejayaan Norma Nawi di Zullian, dan dalam DCL pula pasangan dari Negeri Kelantan juga berjaya.

QIADAH: Apakah yang membezakan antara wanita Kelantan dengan wanita-wanita lain?

WU: Ini susah sikit... susah juga nak jawab... kita 'kan satu Malaysia! Cuma saya rasa yang jelas wanita Kelantan tidak akan duduk saja. Yang membezakan wanita Kelantan ialah sikap keusahawanan ini. Pengalaman berniaga ada pada kebanyakan wanita Kelantan. Oleh itu mereka berupaya dan lebih ketahanan dari sudut keusahawanan. Mereka akan jual sesuatu, misalnya sebetuk cincin, rantai seutas atau walaupun kain batik sehelai. Mungkin ini kelainannya, sikap keusahawanan wanita-wanita Kelantan.

QIADAH: Apa faktor yang menyebabkan sikap keusahawanan itu?

WU: Salah satu faktornya ialah sejak awal lagi wanita-wanita Kelantan sudah didedahkan dengan perniagaan. Kebanyakan mereka dari keluarga Tok Peraih, macam yang kita tengok di Pasar Siti Khadijah. Saya sejak kecil lagi sudah berpengalaman hantar barang dan kutip hutang. Pendek kata wanita-wanita Kelantan akan berbuat sesuatu .. paling tidak dia bungkus nasi lemak untuk diletak di kedai. Ya, saya rasa wanita Kelantan memang ada ketahanan dari segi keusahawanan.

QIADAH: Bagaimana pula tanggapan YB berhubung keperluan menutup aurat oleh kaum wanita? Ada yang mengaitkannya dengan berbagai-bagai tafsiran.

WU: Saya rasa sekarang orang tidak lagi mempersoalkan perkara ini. Ia bukan masalah besar. Kita dapat lihat yang menutup aurat ini bukanlah penghalang kepada wanita untuk aktif dalam apa bidang sekalipun, termasuk sukan. Dalam Nisa' Games tahun 2007 di Kelantan kita melihat jaguh pecut Sukan Asia, Ruqayyah Al-Ghasara dari Bahrain, menutup aurat, tidak menghalang dia mencapai kejayaan. Wanita yang terlibat dalam scuba diving pun ada yang menutup aurat. Jadi ia bukan lagi isu sebenarnya.

QIADAH: Apakah yang YB letakkan sebagai matlamat YB?

WU: Kita sedang menggubal Dasar Keluarga. Sepertimana yang kita ketahui, negeri Kelantan telah memiliki pelbagai dasar seperti Dasar Wanita dan Dasar Hiburan. Kita berpendapat bahawa kita perlukan Dasar Keluarga, dan ini yang sedang dibincang sekarang. Trend masyarakat sekarang tidaklah sesihat seperti sepatutnya. Dan keluarga pula tidak seakrab seperti sepatutnya. Contohnya adik beradik menjadi renggang apabila sudah berkeluarga. Keperluan seorang nenek hanya untuk sesuap nasi, sudah sukar untuk dipenuhi. Inilah masalah dalam masyarakat kita. Kita ingin membina kembali keluarga yang utuh, bebas jenayah, bebas penagih. Membina ahli keluarga yang tahu tanggungjawab masing-masing, misalnya tanggungjawab ibu kepada anaknya, tanggungjawab anak terhadap ibu bapa, datuk dan nenek.

QIADAH: Boleh YB ceritakan sedikit tentang program-program utama untuk dasar ini, dan kaedah memantau pencapaiannya?

WU: Ini yang sedang kita bincang. Bila siap kelak ia akan dilancarkan oleh YAB Tuan Guru. Kaedah memantaunya ialah secara *self inspection* oleh setiap keluarga. Setiap keluarga dapat memantau berdasarkan indeks pencapaian keluarga yang disediakan. Sebagai contoh kita senaraikan perkara-perkara berikut:

i) Dalam sesebuah keluarga sekiranya tidak ada seorang hafiz/hafizah maka terdapat sekurang-kurangnya seorang anak yang belajar di sekolah agama.

ii) Anak-anak mestilah khatam al-Quran sebelum darjah enam.

iii) Anak lelaki wajib sekurang-kurangnya sekali sehari bersembahyang di masjid.

iv) Seminggu sekali wajib diadakan usrah keluarga.

Ini adalah semacam KPI (Key Performance Indicators) atau petunjuk prestasi utama untuk sesebuah keluarga. Ini menjadi panduan untuk tindakan keluarga.

QIADAH: Kalau kita perhatikan laporan pihak polis, kadar jenayah masih rendah di Kelantan?

WU: Ya, tapi kita masih belum berpuas hati. Mutakhir ini terdapat kes ragut yang menyebabkan kematian, kes bunuh... dan sebagainya.

QIADAH: Bagaimana pula dengan program PPWK (Pusat Pembangunan Wanita Kelantan)?

WU: Program PPWK diteruskan, di setiap kawasan DUN, iaitu program-program latihan kemahiran yang boleh membantu wanita di peringkat kawasan, untuk menambah pendapatan keluarga, seperti kemahiran menjahit dan menyulam. Baru-baru ini kita menghantar lapan orang peserta untuk menjalani latihan menekak di Bukit Tinggi, Indonesia. Dan di samping PPWK kita juga ada program pembangunan armalah, iaitu khusus untuk ibu-ibu tunggal.

QIADAH: Apakah kekangan yang ada, yang boleh menghalang kejayaan?

WU: Paling utama ialah mengubah sikap itu sendiri. Bagaimana mahu berubah. Kita berusaha supaya sikap ini dapat berubah. Sikap mencintai apa yang mereka miliki. Biarlah mereka memahami sepenuhnya erti sebuah keluarga. Berusaha keras supaya mereka dapat keluar daripada lingkaran kemiskinan. Untuk para remaja, cara terbaik ialah memperolehi ilmu pelajaran. Ilmu ialah cara terpantas untuk keluar dari lingkaran ini.

QIADAH: Kekangan lain tentunya masalah kewangan. Memang kita menghadapi masalah kewangan. Peruntukan dari kerajaan pusat masih disalurkan melalui JPP dan ketua bahagian parti mereka. Kita nak mendapatkan tong kitar semula pun payah...

Akhir kata YB?

WU: Ada satu peristiwa yang menarik yang pernah berlaku di negara kita. Peristiwa besar yang membawa perubahan, iaitu banjir besar di Johor yang telah memungkink PAS memasuki Johor. Sebelum itu sukar sekali untuk PAS mendekati mereka. Dan mengenai pejabat baru kita - kita harap kita dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada kaum wanita Kelantan dengan adanya pejabat baru yang mudah mereka kunjungi.

Program Penting UWKK 2009

UWKK ialah Urusetia Wanita, Keluarga dan Kesihatan, iaitu urusetia di bawah pimpinan Wan Ubaidah. Program - program ini setakat Julai 2009.

1 DASAR KELUARGA MAWADDAH

Kerajaan Negeri melalui portfolio ini sedang berusaha menyiapkan Dasar Keluarga Mawaddah, yang bertujuan untuk menyediakan satu rangka dasar keluarga yang *mawaddah*, penuh kasih sayang, di dunia dan akhirat.

2 FORUM KELUARGA SAKINAH, 'SAYE ABE SAYE ADIK'

Forum keluarga bersama ahli panel Dr Robiah K.Hamzah dan Prof Izzy. Membicarakan bagaimana membina keharmonian rumahtangga yang selaras dengan tuntutan Islam.

3 SEMINAR RUMAHTANGGA BERKAT

Seminar sehari bersama pakar undang-undang, qadhi dan ahli akademik. Memberi pendedahan kepada para peserta yang terdiri daripada suami, isteri dan bakal pengantin, mengenai rumahtangga yang berkat. Pendedahan adalah dari segi undang-undang, agama dan ilmu sosial.

4 FORUM NIKAH TUNAI

Forum mengenai kesedaran nikah secara tunai dan mengelakkan budaya hutang dalam perkahwinan. Ini sebagai usaha membudayakan kesederhanaan dalam majlis kahwin, dan menggalakkan mas kahwin yang rendah demi mendapatkan keberkatan. Panel: Ustaz Hasrizal Mohd Jamil.

5 KEMPEN PERSEKITARAN LESTARI

Kempen supaya masyarakat menjaga alam sekitar, dengan konsep 3R - *Reduce, Reuse, Recycle*. Galakkan supaya diasingkan sampah kering dan sampah basah. Juga kita menggalakkan tanam sendiri sayur-sayuran - boleh jimatkan belanja rumah dan menjualnya kecil-kecilan; di samping menghijaukan bumi - *Go green*.

6 SAMBUTAN HARI IBU

Majlis meraikan para ibu di Kelantan. Ia dirasmikan oleh isteri YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan, YABhg Datin Hjh Tuan Sabariah Tuan Ishak.

7 MAJLIS GRADUASI PPWK 2009

Majlis graduasi kepada para peserta Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) yang berjaya dalam peperiksaan khas kemahiran jahitan. Majlis disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan, YAB Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz bin Nik Mat.

8 KEM JATI DIRI REMAJA

Program jatidiri remaja yang khas kepada anak - anak yatim berusia 15 tahun. Seramai 100 orang peserta terpilih daripada sekolah - sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK). Siri 1 untuk peserta lelaki, dan siri 2 utk peserta perempuan. Dikendalikan mengikut Sistem Pelatihan Management Qalbu (MQ).





Kak Ani

"sene baso mudoh kigho"

:: oleh Salma Husin :: foto: Mohd Haikal



Dia lebih dikenali dengan panggilan 'Kak Ani'. Seorang wakil rakyat yang cukup popular di Kelantan. Panggilan 'Kak Ani' oleh setiap lapisan masyarakat, dan dia sendiri pun membahaskan dirinya 'Kak Ani', menjadikan dia begitu mesra dengan rakyat.

Dalam Pilihan Raya Umum 2004 dia merupakan satu-satunya muslimat yang dipilih untuk bertanding, iaitu bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjung Mas, Kota Bharu, yang sebelumnya diwakili oleh Yang Dipertua PAS Kawasan Kota Bharu, Dato' Wan Abdul Rahim Wan Abdullah.

Selepas satu penggal berkhidmat dalam kawasan Dun tersebut, Kak Ani atau nama sebenarnya Rohani Ibrahim dipilih lagi oleh pucuk pimpinan negeri untuk bertanding

dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2008. Kali ini dia bukan sahaja menang, tetapi berjaya pula muncul sebagai calon PAS yang mendapat majoriti undi paling tinggi di negeri Kelantan. Dia meraih undi sebanyak 11,095, manakala lawannya dari Barisan Nasional, Khazuni Dato' Osman memperolehi 4,983 undi. Jumlah majoritinya 6,112 undi.

Kini biarpun statusnya telah bertukar menjadi 'Yang Berhormat' mulai tahun 2004 lagi, namun kehidupannya sama sahaja, bahkan dia sentiasa mudah didekati walau di mana dan bila-bila masa sahaja.

Biarpun waktunya begitu terbatas, dan hari mengejar hidupnya yang semakin sibuk, Kak Ani tetap tenang dan sabar menghadapi situasi; kerana apabila kali pertama dia menerima untuk dicalonkan sebagai wakil rakyat,

katanya, dia sudah bersedia untuk menghadapi sebarang risiko dan mehnah masyarakat yang pelbagai ragam.

Dan biar sesibuk mana sekalipun, Kak Ani begitu beruntung kerana mempunyai seorang suami yang memahaminya. Mohd Fauzi Hassan, suami yang tercinta sentiasa mengiringinya ke mana sahaja dia pergi, terutama pada program-program di waktu malam.

"Lagipun sewaktu Kak Ani terima untuk dicalonkan dalam PRU 2004, Kak Ani terlebih dulu memohon persetujuan dari suami. Kalau dia bersetuju, Kak Ani terima. Jika sebaliknya Kak Ani terpaksa menolak. Kak Ani tidak mahu terima sesuatu perkara, apalagi persoalan yang berat, tanpa izin suami"

Menyentuh tentang kemampuannya menyelesaikan permasalahan rakyat, dia berkata, "Kak Ani akan berusaha sedaya mungkin untuk membantu sendiri. Kiranya dapat diselesaikan, alhamdulillah, ia berakhir di situ. Namun Kak Ani beruntung kerana mempunyai penghulu dan anggota jawatankuasa cawangan yang banyak membantu. Mereka akan cuba selesaikan sendiri masalah rakyat sebelum diangkat kepada Kak Ani. Dan andainya Kak Ani berhadapan dengan masalah yang agak kronik, Kak Ani akan merujuk kepada Exco," ujarnya.

Bercerita lanjut berhubung tugas dan peranannya, beliau berkata pada penggal pertama diberi kepercayaan sebagai wakil rakyat, tumpuannya ialah kepada proses mengenali rakyat. Bagaimana berhadapan dengan warga emas, bagaimana pula bila bersama muslimat, atau golongan muda, dan yang paling perlu berhati-hati adalah golongan orang kurang upaya (OKU).



"Semuanya memerlukan cara yang berbeza," katanya. "Kalau golongan warga emas, mereka lebih gemar kita bersalam serta bertanya khabar sambil menggosok belakang mereka perlahan-lahan. Itu tandanya kita menghormati mereka sebagai orang yang lebih tua daripada kita."

Beberapa program juga diadakan bagi golongan ini. "Tujuannya Kak Ani ingin merapatkan diri dengan mereka, lebih-lebih lagi di usia emas ini mereka terlalu sensitif dan perlu dijaga. Sambil itu Kak Ani turut meningkatkan dari sudut keperluan kebajikan mereka, di samping memberi bantuan yang sama pada anak-anak yatim, armalah, dan golongan miskin yang lain," ujarnya lagi.

Program mingguan yang tidak pernah ditinggalkan oleh Kak Ani ialah menziarahi orang sakit, samada di rumah atau hospital, pada waktu pagi atau petang, mengikut kesesuaian masa yang terluang.

Bantuan yang diberikan kepada golongan armalah (ibu tunggal) pula lebih ditumpukan kepada kemahiran. Menurut Kak Ani, bantuan kewangan telah diberikan oleh kerajaan melalui



agensi-agensinya. Kerana itu bantuan berbentuk ilmu seperti cara mencari rezeki diberikan kepada golongan ini, khasnya yang masih muda, seperti kursus jahitan, masakan atau bagaimana untuk memulakan perniagaan.

Dalam tempoh penggal kedua ini juga Kak Ani tidak lupa pada golongan muda. Apalagi golongan ini telah memberikan kesan yang amat baik bagi mengekalkan kerajaan PAS di Kelantan baru-baru ini. Dalam konteks ini program yang sesuai dengan mereka ialah seperti rehlah, bersukan, di samping tarbiah agar mereka tidak lupa pada diri.

"Kita tak mahu hanya menerima sokongan mereka semata-mata, dan membiarkan mereka begitu sahaja tanpa memberi penerangan bagaimana untuk menjadi hamba Allah yang cemerlang dunia dan akhirat," katanya.

"Dan untuk golongan remaja, kita kena faham, caranya tidak sama antara remaja perempuan dengan remaja lelaki. Untuk remaja lelaki misalnya kita sediakan peralatan sukan, di samping tempat permainan."

Sehubungan itu Kak Ani sering juga dilihat menyampaikan hadiah kepada peserta bola sepak futsal pada waktu malam, sambil ditemani suaminya.

Mengikut Kak Ani, sekiranya tiada agenda mesyuarat di peringkat parti atau kerajaan, dia akan menghabiskan waktunya bersama rakyat dengan turun sendiri ke rumah mereka. Dengan cara itu, katanya, dia dapat melihat sendiri bagaimana kesusahan yang dialami rakyat, dari segi masalah keperluan harian, keperluan asas, seperti rumah rosak dan tidak mampu dibaiki, dan sebagainya.

Sebagai wakil rakyat yang sudah dua penggal berkhidmat, beliau juga ingin mengubah fahaman masyarakat yang menganggap wakil rakyat hanya akan menziarahi mereka apabila bermula musim pilihan raya. "Itu sebenarnya tidak betul. Sebagai wakil rakyat kita mempunyai tanggungjawab yang cukup luas dan perlu menziarahi mereka, bukannya apabila tiba musim pilihan raya sahaja, dengan niat untuk memancing undi," tegasnya.

Dalam kawasan DUN Tanjung Mas terdapat juga pengundi bukan Melayu. Golongan ini sebenarnya begitu beruntung, walaupun mereka hanya

golongan minoriti dalam DUN ini, namun mereka dilayan sama rata dengan masyarakat Melayu. "Bantuan armalah, di samping bantuan hari raya Aidilfitri, dan bantuan untuk pelajar cemerlang juga turut diberikan kepada mereka. Begitu juga ziarah sakit atau kematian, Kak Ani akan pergi sekiranya dimaklumkan,"ujarnya.

Di samping khidmat kepada rakyat di kawasanya, Kak Ani juga turut menumpukan perhatian kepada hubungan di kalangan pemimpin wanita peringkat Pakatan Rakyat, samada di kawasan DUN Tanjung Mas ataupun Parlimen Kota Bharu.

"Ini amat perlu bagi merapatkan lagi hubungan sesama kita, khasnya sebagai persediaan untuk menghadapi pilihan raya umum ke-13. Apalagi kononnya pihak lawan mengatakan ikatan kita kini semakin longgar, jadi kita perlu membuktikan pakatan kita sentiasa ampuh dan utuh,"ujarnya.

Bahkan bukan setakat peringkat itu sahaja. Sebagai orang yang diamanahkan menjadi Pengerusi Lajnah Perhubungan dan Perpaduan Antara Kaum Negeri Kelantan, Kak Ani juga berusaha untuk merapatkan lagi hubungan pelbagai kaum di negeri ini, agar sokongan mereka tidak akan goyah pada kerajaan di bawah pimpinan Tok Guru Nik Aziz.

"Tumpuan juga turut diberikan kepada hubungan antara kelab-kelab penyokong PAS, kerajaan, badan-badan NGO dan lain-lain," ujarnya mengakhiri sesi pertemuan kami.



Kini biarpun statusnya telah bertukar menjadi 'Yang Berhormat' mulai tahun 2004 lagi, namun kehidupannya sama sahaja, bahkan dia sentiasa mudah didekati walau di mana sahaja dan bila-bila masa sahaja.



KECINTAAN AL-QURAN LAHIRKAN 7 HUFFAZ

Oleh: Farah dan Wanna Fotografi: Ahmad Na'ime

Sesebuah keluarga dan masyarakat cemerlang adalah terlahir dari didikan kepimpinan yang memiliki kuasa asuhan terbaik. Kuasa asuhan yang terbaik pastinya dapat menghasilkan dan melahirkan insan yang berkualiti dan cemerlang.

Namun, ia tidak mungkin wujud tanpa didikan dan pengorbanan dari seseorang yang bergelar ibu. Peranan seorang ibu amat besar dalam memberikan dorongan serta memikul tanggungjawab untuk membangunkan anak-anaknya melalui kesempurnaan asuhan dan didikan dalam sesebuah keluarga.

Antara ibu yang telah berjaya melakukannya ialah Che Rogayah Che Leh, 65, atau lebih dikenali dengan panggilan Kak Yah, iaitu salah seorang ibu cemerlang yang telah berjaya membentuk anak-anaknya menjadi insan-insan yang cemerlang di dunia dan akhirat. Ia dapat dilihat melalui kejayaannya melahirkan *Hafiz* dan *Hafizah* seramai 7 orang kesemuanya. Namun kejayaannya ini tidak dapat dicapai dengan mudah kerana ia menuntut cabaran dan

pengorbanan serta kegigihan yang tinggi.

Menyingkap perjalanan kehidupannya, perkahwinan Kak Yah yang telah diaturkan oleh keluarga di Mekah. Selepas kelahiran cahaya mata yang kelima, pasangan ini telah berhijrah dan menetap di Rantau Panjang, Kelantan mulai tahun 1971. Walaupun sudah berhijrah dari Mekah, mereka tetap meneruskan perjuangan untuk mengajar Al-Quran kepada masyarakat. Mereka telah mengajar anak-anak kenalan mereka untuk membaca dan menghafaz Al-Quran disamping menyempurnakan bacaan dan hafazan kepada anak-anak mereka sendiri.

Seterusnya mereka telah menubuhkan Pusat Kebajikan Tahfiz untuk anak-anak kampung Rantau Panjang dan pelajar dewasa yang ingin mendalami pengajian hafazan Al-Quran secara sempurna. Pusat ini yang menerima kemasukan pelajar seawal 12 tahun lalu telah berjaya mengumpulkan pelajar-pelajar dari seluruh negara.

Adalah sesuatu yang mengagumkan apabila

tujuh dari sebelas orang anaknya untuk bergelar huffaz berjaya dan telah mengaplikasikan cara didikan yang sempurna seperti yang diterima oleh mereka.

Apabila ditanya mengenai rahsia kejayaannya dalam mendidik anak-anak sehingga mencapai tahap begini, beliau hanya tersenyum dan menjawab ianya lahir dari semangat yang sangat mencintai Al-Quran. Kecintaan beliau yang begitu mendalam terhadap Al-Quran telah mewujudkan satu semangat yang luar biasa dalam diri beliau untuk mendidik anak-anaknya dengan baik mungkin. Tidak hairanlah sekiranya semangat dan kecintaan yang sama telah berjaya disemai serta dipupuk ke dalam jiwa anak-anak beliau. Kesemua anak-anaknya mempunyai kecenderungan yang tinggi dalam menghayati, menghafaz dan memahami keseluruhan isi Al-Quran, berkat dorongan dan semangat yang diberikan oleh pasangan suami isteri ini.

Tambahnya lagi, segalanya bermula apabila suaminya berhasrat untuk mengasaskan Pusat Kebajikan Tahfiz Al-Quran & Pengajian Islam Banggol Kulim, Rantau Panjang, Kelantan. Sebelum mengasaskan sekolah tersebut, beliau terlebih dahulu memberikan pendidikan menghafaz 30 juzuk dan memberi penghayatan kepada Al-Quran kepada anak-anaknya. Jesteru itu tidak hairanlah jika dikalangan anak-anaknya ada yang berjaya menjadi imam-imam masjid di Kelantan, guru imtiaz, pensyarah dan guru sekolah agama.



Kak Yah bersama anak bongsunya, Hasnah

kesebelasan anaknya telah mendapat pendidikan awal di Malaysia iaitu di Sekolah Agama Banggol Kulim, yang kini dikenali sebagai Maahad Muhammadiyah Rantau Panjang dan kemudian melanjutkan pelajaran ke semenanjung Tanah Arab.

Anak beliau yang pertama, ialah Mohd Amin yang merupakan seorang hafiz dan kini mengajar di Masjid Pasir Mas. Anak keduanya, Mahmud pernah menuntut di Libya dan kini menjadi seorang penceramah bebas. Manakala yang ketiga, Abdul Rahman telah berjaya memperolehi ijazah dari sebuah universiti di Indonesia dan kini, merupakan guru Imtiaz. Baharuddin merupakan anak keempat yang kini menjadi imam di masjid

Bercerita tentang anak-anaknya pula,



Muhammadi. Manakala Abdul Hafiz merupakan anak yang kelima dan kini bertugas sebagai Pensyarah UTM Skudai, Johor. Seterusnya Abdul Baari anak keenamnya merupakan imam masjid Kubang Kerian yang juga merupakan seorang hafiz.

Manakala yang ketujuh iaitu Abdul Muhaimin merupakan seorang guru Maahad Tahfiz Sains Pulau Chondong, dan yang kelapan ialah Zakiah yang memiliki ijazah dari Mesir. Sederetan lagi adalah tiga beradik yang hafiz dan hafizah iaitu Abdul Sattar yang berkelulusan Pondok Kandis, Muhsin yang masih menuntut di Yaman. Manakala anaknya yang bongsu, Hasnah giat membantu pasangan suami isteri ini mengajar murid perempuan di Pusat Kebajikan Tahfiz DaruNisa'.

untuk sesi wawancara. Beliau mengimbas tentang layanan samarata oleh kedua orang tuanya terhadap adik beradiknya dan amat tegas dalam soal mendidik anak-anak. Namun beliau bersyukur kerana melalui didikan tegas kedua ibubapanya telah menyebabkan beliau berjaya menjadi hafizah.

"Saya ucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibubapa saya, dan harapan saya agar orang lain juga berjaya dan belajar memenuhi tuntutan dunia untuk dibawa ke akhirat".

Beliau turut mengakui bahawa bukan mudah baginya untuk menghabiskan kesemua hafazan 30 juzuk dan ianya semakin mencabar terutamanya apabila tahap hafazan sudah



Kini, berkat usaha kedua suami isteri ini, pelajar yang mempelajari hafazan di pusat ini adalah seramai 183 orang pelajar lelaki dan 9 orang pelajar perempuan yang ditempatkan berjauhan dari pusat pengajian tersebut. Kehebatan dan kecemerlangan pusat ini telah terbukti apabila seorang pelajarnya iaitu Nor Hidayah Shafie, telah dinobatkan sebagai juara hafazan Al-Quran peringkat kebangsaan tahun 2009.

Ditanya mengenai kejayaan ini, Kak Yah memanjatkan rasa syukurnya kehadiran Allah dengan kurniaannya berkat hasil kesungguhannya yang telah dipermudahkan oleh Allah.

"Pada mulanya saya menempuh ujian dan dugaan dalam membesarkan anak-anak yang dibimbing sebagai seorang hafiz, namun, penerimaan mereka terhadap hafazan Al-Quran ini diterima dengan hati terbuka walaupun adakalanya mereka tidak bersemangat untuk meneruskan hafazan," katanya.

Pada masa inilah, beliau sebagai ibu yang membangkitkan semangat dan memberi dorongan yang kuat didalam usaha memastikan kejayaan seorang demi seorang dari sebelas orang anaknya.

Hasnah Hj Abdullah, 24, seorang hafizah ketika ditemui menyambut baik kedatangan kami

memasuki juzuk ke-15. Namun, hasil dari usaha dan dorongan dari ibu dan ayahnya, akhirnya beliau mampu menghafal seluruh isi kandungan Al-Quran walaupun disuatu ketika, beliau hampir putus asa untuk meneruskan hafazannya.

"Ibu dan ayah sayalah yang menyuntik semangat ini untuk saya meneruskan usaha menghabiskan hafazan 30 juzuk. Bagi saya didikan sesempurna ini adalah harta yang tidak ternilai," katanya dengan nada sebak.

Apabila ditanya tentang sambutan masyarakat kampung dalam mengimarahkan pusat tahfiz ini, kedua beranak ini menyatakan sedikit kekesalan kerana jumlah pelajar yang semakin berkurang kerana mereka berpendapat bahawa anak muda masa kini lebih berminat untuk mendalami pembelajaran dalam bidang sains dan teknologi tanpa mengambil berat tentang ilmu kefahaman dan hafazan dari Al-Quran.

Pesan Kak Yah kepada masyarakat hari ini agar terus memberi penekanan kepada ilmu Al-Quran dan bersama-sama mendidik anak-anak mereka supaya celik Al-Quran. Kak Yah yakin bahawa ini adalah laluan untuk menuju ke jannah Allah disamping mencapai kejayaan dunia yang sebenar melalui keberkatan Al-Quran yang dipusakakan kepada kita oleh Allah S.W.T melalui kekasihnya Muhammad s.a.w.



JEJARI MANIS MENGANDAM GELOMBANG

GIGIH GAGAH SEORANG WANITA MERENANGI UJIAN DI LAUT DALAM

"Tidak ada jalan pintas." Itulah kata-katanya yang masih berbekas. Ungkapan nasihat atau kata-kata hikmat Hajjah Aishah binti Mahmood, Yang Dipertua PERDASAMA (Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia), Negeri Kelantan.

Oleh : Kassim Muhamad dan Dinsman Fotografi : Ahmad Na'ime



Hajjah Aishah binti Mahmood
Usahawan perikanan laut dalam

"Tak ada jalan pintas. Tak ada," ujarnya berkali-kali. "Semuanya mesti dikerjakan dengan bersungguh-sungguh. Hard work!"

Benarlah bukan senang untuk menjadi senang. Semua kejayaan memerlukan usaha gigih dan kerja keras yang bersungguh-sungguh. Namun di sebalik kekentalan iltizam itu senyumannya tetap ramah, sesekali ketawanya mengisi ruang pejabat di Bangunan Ismail Yaacob, Jalan Hospital, Kota Bharu. Selain menjadi Yang Dipertua PERDASAMA Negeri Kelantan, beliau juga Pengarah Yee Trading & Management Resources Sdn Bhd, dan Juta Begawan Sdn Bhd.

Tokoh Ma'al Hijrah (usahawan) Kelantan 1429H ini merupakan seorang usahawan wanita yang luar biasa. Bidang perusahaannya – perikanan laut dalam – bukan sahaja suatu bidang yang jarang diceburi wanita, bahkan orang lelaki pun, khususnya Melayu, tak ramai yang menceburi bidang ini. Sebut saja bahawa dia memiliki 12 buah kapal laut dalam, orang pasti akan membuka mata luas, kerana terkejut. Apatah lagi kalau disebut dia memiliki sebuah jeti pendaratan ikan yang mengendalikan

Dia turut menyinsing lengan memilih dan mengelaskan hasil tangkapan meskipun di pagi yang dingin tatkala orang lain masih nyenyak dibuai mimpi.

pendaratan 80 buah kapal laut dalam, termasuk bot-bot kelas C, di Tok Bali, Pasir Puteh.

Itulah Hajjah Aishah Mahmood. Dalam pertemuan QIADAH dengannya pada awal Jun 2009, Hajjah Aishah menceritakan pengalaman suka duka dan jatuh bangunnya dalam perniagaan, sebelum beliau mencapai tahap yang ada sekarang.

MENYINSING LENGAN DI DINGIN SUBUH

Menceritakan liku-liku jalan berkerikil yang dilaluinya, Hajjah Aishah tidak pernah lupa akan jasa-jasa pelbagai pihak. Pejabat Daerah Pasir Puteh, Kerajaan Negeri Kelantan misalnya telah meluluskan tanah TOL untuk syarikatnya membina jeti di Tok Bali, dan sokongan Kerajaan Negeri juga membantu syarikatnya mendapat 20 buah lesen kapal laut dalam, daripada Jabatan Perikanan Malaysia. Berdasarkan MOU dengan pihak Thailand, iaitu melalui konsep charter dengan ekuiti 50% - 50%, peluang untuk dia menerokai bidang tangkapan ikan laut dalam telah terbuka luas.



Konsep charter di antara Kerajaan Malaysia dengan pihak Kerajaan Thailand antara lain mensyaratkan pihak Thailand menyediakan kapal, tekong dan awak-awak. Sementara lesen, jeti dan kemudahan yang berkaitan dengannya perlu diurus oleh pihak pengusaha Malaysia. Dan peranan ini telah diamanahkan kepada syarikat-syarikat milik Aishah. Syarat lain konsep charter ialah kapal dikehendaki mendarat di Tok Bali, dan hasil tangkapan pula mestilah dari laut perairan Malaysia.

Sepintas lalu proses berkenaan kelihatan seperti kerja rutin yang mudah dan biasa. Malangnya suasana keselamatan di Selatan Thai waktu itu tidak memungkinkan ini semua berjalan lancar dan selesa seperti yang kita bayangkan. Sebagai contoh Aishah menceritakan bagaimana dia dan anaknya terpaksa melalui proses kawalan keselamatan yang ketat dan membimbangkan.



Ini bermakna sebelum komitmen dan MOU dengan pihak Thai terlaksana, Aishah telah mengharungi sendiri pelbagai liku proses yang luar biasa dan sukar dilupakan.

Projek jeti pendaratan ikan laut dalam di Tok Bali memperlihatkan kegigihan dan perjuangan Aishah. Projek ini melibatkan pembinaan prasarana asas jeti dengan modal fasa pertama sebanyak RM250 ribu. Jeti ini mampu mengendalikan 80 buah bot (kapal), termasuk bot-bot kelas C dengan kapasiti muatan 40 GRT, iaitu untuk bot kategori C0. Saiz bot kelas ini ialah sepanjang 18 meter, lebar 6 meter, dengan draf sedalam 2 meter.

Sesungguhnya kejayaan ini bukan mudah dicapai tanpa kesungguhan, keazaman, kegigihan dan bekalan pengalaman yang setimpal. Mungkin pengalaman pahit yang pernah dilaluinya membuat Aishah benar-benar menjadi seorang pengusaha yang sanggup turun padang. Misalnya tatkala kerja-kerja pembinaan jetinya di Tok Bali dilaksanakan, dia sendiri turun mengawasi kerja penanaman cerucuk, tanpa mengira waktu dan penat lelah. Ini dilakukan bagi memastikan kos pembinaan dapat dikawal dengan berkesan, dan dia bersusah payah melakukan sendiri semua kerja itu disebabkan mempunyai banyak pengalaman ditipu yang telah dilaluinya sebelum ini.

Aishah juga turut terlibat dalam urusan kerja memproses hasil tangkapan di jeti. Dia turut menyinsing lengan memilih dan mengelaskan hasil tangkapan meskipun di pagi yang dingin tatkala orang lain masih nyenyak dibuai mimpi. Langkahnya sebagai pengusaha yang melibatkan diri secara langsung di tapak kerja itu menjadi salah satu contoh "tiadanya jalan pintas dalam mencapai kejayaan".

Bagaimanakah pula dia mendapat ilham dan dorongan untuk mencebur diri dalam industri tangkapan ikan laut dalam ini? Hajah Aishah menjelaskan – idea dan dorongan itu diperolehinya setelah melihat sendiri bagaimana dan betapa gigihnya para wanita Islam di Patani mengusahakan hasil tangkapan ikan laut dalam. Kecuali urusan menangkap ikan yang dilaksanakan oleh lelaki Thai, pengurusan segala hasil hiliran dilaksanakan oleh wanita Islam Patani. Sewaktu memerhati peristiwa itulah terbetik di hatinya untuk melakukan hal yang sama di tempatnya.



WAWASAN MASA DEPAN

Muslimah kelahiran negeri Cik Siti Wan Kembang ini memiliki pegangan yang teguh dalam mencapai matlamatnya. Dia kerap mengulangi pandangan bahawa sesungguhnya tidak ada jalan pintas dalam mencapai kejayaan. Semua orang mestilah bekerja keras untuk itu.

Walaupun sudah berjaya namun Hajah Aishah masih terus menerokai peluang-peluang yang memungkinkan dia membantu rakyat Kelantan khususnya dan rakyat Malaysia umumnya. Kini dia merancang untuk membina kilang-kilang memproses ikan di Tok Bali. Bayangan yang menjadi dorongannya ialah peluang pekerjaan yang bakal tersedia apabila kilang-kilang ini menjadi kenyataan. Industri ikan laut dalam padanya sangat berpotensi dan akan memberikan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Inilah hujahnya tatkala dia berdepan dengan pegawai-pegawai kerajaan pusat. Adalah amat merugikan jika hasil tangkapan kita berterusan tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya di negeri seperti Kelantan.

Di samping berpengalaman di Selatan Thailand, Hajah Aishah juga pernah ke Aceh. Dia diberi sambutan yang baik oleh Gabenor Wilayah Daerah Istimewa Aceh, yang menawarkan dia untuk membuka perusahaan di sana. Memang Aceh mempunyai potensi yang luas, kata Aishah. Sebagai contoh dia menceritakan bagaimana kilang perintis pembuatan sos yang diusahakan oleh rakyat Kelantan di Aceh mendapat permintaan yang begitu memberangsangkan.

NENAS DAN MISKIN TEGAR

Tidak ramai orang yang memiliki kekayaan dan perusahaannya besar yang masih ingat dan berfikir mengenai nasib orang-orang miskin dan terus berusaha membantu golongan yang kurang bernasib baik itu. Salah seorang daripada yang tidak ramai itu ialah Hajah Aishah.

Projek nenas berkelompok mempamerkan keprihatinan Hajah Aishah dalam memerangi kemiskinan. Ia suatu contoh komitmen seorang muslimah dalam usaha membantu kerajaan negeri membanteras kemiskinan rakyat.

“Saya membenarkan tanah milik saya digunakan untuk projek membasmi kemiskinan tegar,” katanya. “Dengan cara ini para peserta tidak perlu membayar sewa tanah, dan tanah saya juga tidak terbiar. Sepanjang penglibatan saya dengan projek ini, saya dapati Lembaga Nenas Negara juga cukup prihatin. Mereka gembira dengan komitmen rakyat negeri Kelantan.”

Projek tanaman nenas berkelompok menghimpunkan para penduduk miskin tegar sebagai peserta. Aishah bertindak sebagai pengerusi projek ini. Di antara kawasan yang terlibat ialah Rantau Panjang dan Pulau Condong (36 ekar).



SUSUR GALUR PEJUANG ISLAM

Dilahirkan pada tahun 1948, Aishah berasal dari keluarga seorang imam yang memiliki sebuah pengajian pondok di Pasir Mas. Sejarah dan latar belakang keluarganya menunjukkan susur galur yang akrab dengan perjuangan Islam. Mengingati sejarah itu, masih jelas dalam kenangan Aishah peristiwa pihak berkuasa pada masa itu menggunakan kuasa mereka menghalang orang ramai menunaikan solat di masjid bapanya.

“Arwah bapa terkejut dengan peristiwa itu, langsung dia tak boleh bercakap. Selama dua tahun ayah menderita sebelum meninggal dunia.”

Namun duka kenangan perit itu tidak menghalang Aishah membina kehidupan keluarga bahagiannya, walaupun terpaksa menempuh ujian demi ujian. Dia mula memasuki alam pekerjaan dengan menjadi operator telefon di Jabatan Pelajaran, pada tahun 1968, dan kemudian ke jawatan kedua sebagai kerani yang menjaga fail di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.





Bukan semua projek yang dilaksanakannya berjalan dengan lancar. **“Saya banyak kali gagal,”** katanya. **“Saya tak ada pilihan, mesti bekerja keras untuk berjaya.”**

Bukan semua projek yang dilaksanakannya berjalan dengan lancar. “Saya banyak kali gagal,” katanya. “Saya tak ada pilihan, mesti bekerja keras untuk berjaya.”

Banyak pengalaman pahit yang telah dilaluinya, diceritakannya kepada QIADAH dalam pertemuan itu. Nyatalah kejayaan yang dinikmatinya sekarang bukanlah sesuatu yang dicapainya dengan mudah. Hari ini sebagai YDP atau Presiden PERDASAMA Negeri Kelantan, Hajjah Aishah sering dijemput berceramah dan memberi motivasi kepada peniaga dan



Tindakannya meletak jawatan sebagai pegawai kerajaan dengan notis 24 jam untuk menceburkan diri sepenuh masa dalam dunia bisnes, adalah suatu tindakan nekad yang cukup berani. Tatkala itu usianya baru 34 tahun, dan telahpun berumah tangga. Dia memasuki dunia baru ini bergandingan dengan bapa mertunya.

usahawan muda. Seseekali cerita duka dan luka itu akan disampaikan kepada generasi muda, sebagai panduan dan peringatan agar tidak mudah mengaku kalah apabila terpaksa menghadapi situasi yang sukar, sulit dan pahit.

“Nasib saya kurang baik, bapa mertua yang menjadi tunggak perniagaan meninggal beberapa bulan selepas itu,” cerita Aishah.

Demikianlah profil seorang muslimah mithali. Wanita gigih bersemangat waja. Kita berbangga memiliki seorang wanita yang ternyata jauh ke depan di dalam usaha, pemikiran dan tindakan.

Bidang perniagaan yang diceburi ialah perniagaan hardware. Di samping itu Aishah juga terlibat dengan projek pembinaan. Di antaranya ialah membina 34 buah rumah pam untuk tanaman tembakau di kawasan penempatan semula nelayan di Kandis, Tok Bali.





SITI KHADIJAH MARKET

it's not just a market

By : Dinsman Photo : Ahmad Na'ime

It is just a traditional market albeit a difference. True, it is very well-known to outsiders: Visitors or tourists alike visiting Kota Bharu, Kelantan. Whoever visits Kota Bahru does not want to miss it. Why? After all it is just a traditional market which sells household items such as vegetables, fishes, rice, meat, keropok, serunding, batik etc. Have you ever seen or heard visitors to other towns in Malaysia wanting to visit the traditional market? Is there any particular reason for doing so? Why?

The answer lies in the prime movers, the pulse of its heart beat. For ages it is they who have been making the market active and lively. In Pasar Siti Khadijah, traditionally long before the Japanese occupation, it is the women who were most active. And till this day, it is the women who keep Pasar Siti Khadijah, bustling with activities.

Yes, where else in Malaysia would you find the bulk of traditional market operators - women of such huge proportion? None, except of course



Dome of the Market

As the newly elected Chief Minister of Kelantan then, Tok Guru made his choice. He chose not to interfere especially the presence of the dominantly women traders, instead he had deliberately chosen to endorse the importance of women in harnessing business and economic activities of the state. Slowly and yet effectively, the concept and spirit of "development being hand-in-hand with Islam", the crux of his administration is falling in place.



SITI KHADIJAH MARKET

in Kota Bahru! Indeed this is something unique and special. So unique it is that TDC (Tourism Development Corporation), in Kuala Lumpur finds it appropriate and significant to continuously portray the captivating visual of a bird's eye-view of Pasar Siti Khadijah, when promoting Kelantan as a tourist product. For years that visual has been capturing the imagination of all. How very special and unique is Pasar Siti Khadijah.



It is situated in the centre of Kota Bharu and this three-storey building is a landmark of a city which was proclaimed as an 'Islamic City' in 2005. Pasar Siti Khadijah blends the dynamism of Kelantanese culture where its women are constantly hand-in-hand with their male counterparts in building the economy of the family.

Siti Khadijah, the name in itself is unique and special. (Is there anywhere else outside Kelantan where a traditional market adopts the name of a woman? As long as I can remember, there is none). Siti Khadijah was no ordinary woman for she was highly respected during her time. The people of Mecca respected her for her noble character, success and excellence in the world of business and entrepreneurship. She was a respected corporate figure of her time. It was Siti Khadijah who was chosen by Prophet Muhammad pbuh to be his beloved wife and companion. And when the Prophet called upon his people towards Islam, Siti Khadijah was the first believer to accept the faith.

That is the desired image and world-view envisaged when Tok Guru Nik Aziz when he renamed



(or re-branded, if you want) the market in 1991. Its original name was Pasar Pusat Buluh Kubu, which literally means the Bamboo Fortress Central Market. It got its new name, Siti Khadijah when the state of Kelantan was led by Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, i.e. when the Pan-Islamic Party or Parti Islam Se-Malaysia (PAS) came into power in Kelantan general election of October 1990.

Surely there are simple reasons as to why Tok Guru Nik Aziz has chosen the name Siti Khadijah, a woman of such a stature and honour to rename such an important, historic and strategic traditional market which for generations, has been the heart-beat of Kelantan's business activities.

What then is the message? Yes all women of Kelantan, please proceed with your economic activities. As we know for generations you have ventured and succeeded in business and other economic activities. Islam is never against the involvement and participation of women in areas that are not detrimental to their well-being. Siti Khadijah, the mother of all Muslims, the noble, respected wife of the Prophet pbuh was a successful entrepreneur, is the model you may want to choose and emulate.

If there are allegations that PAS policies discriminate against her women, let us ask them of the proof. As there any form of discriminatory action by PAS against the thousands of women traders in the market?




There was none of such action. There state did not attempt to reduce the number of women traders. No did the state authorities provide preferential treatment to the male traders. What it did was to beef-up the cleanliness of the market place. It continuously educates the women to be decent, clean and be shariah-complianced in the dress code. That was it.

Ever since Tok Guru Nik Aziz took over the administration of the state government, the market has been renovated, improved and enlarged a number of times. Each time it is improved the number of traders increased, the number of the women traders too increased. Today the majority of the more than 3000 stalls are operated by women.

For patrons of this market, especially for first timers the most obvious sight is the presence of



the largely women traders. Just name which ever section you may want to tour; be it the wet market, the dried fish stall, the batik and sarung kiosk, the vegetables and fruits section, the eateries, its largely the women traders who are there waiting and always smiling at you, inviting you to be entertained: They are definitely Kelantan brand, polite, friendly and ever welcoming.



TOK KENALI

PERANAN DAN SUMBANGAN DALAM
PEMBANGUNAN ISLAM
DI KELANTAN

Oleh : Dr. Ahmad Najib Fotografi : Ahmad Nafime



Tok Kenali adalah seorang tokoh ulamak, guru, dan tokoh pembangun pemikiran umat Islam di Nusantara pada awal abad ke-20. Dia seorang alim Rabbani. Demikian menurut Hj Abdullah Al-Qari Hj Salleh. Manakala Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi pula menyifatkan beliau sebagai ulamak, ahli tasawuf, ahli nahu bahasa Melayu, guru, tokoh rohaniah, pemikir politik yang tajam, dan pemimpin kehormat majalah Pengasuh pertama, 1918.

Nama sebenarnya Muhammad Yusof Bin Ahmad, terkenal dengan panggilan Tok Kenali, dan disebut juga 'Awang' sebagai nama timangan. Dilahirkan di Kampung Kenali, Kubang Kerian, Kota Bharu, pada tahun 1287H (1870M). Secara tepat, tempat kelahirannya ialah di belakang Masjid al-Salihiy, iaitu masjid lama Kubang Kerian. Sewaktu berusia lima tahun ayahnya meninggal dunia. Justeru dia mendapat pendidikan awal Al-Quran dan kemahiran menulis daripada datuknya, Tok Leh.

Sewaktu berusia 9-10 tahun Tok Kenali menyambung pelajarannya ke Kota Bharu, terutama untuk mendalami pengajian Bahasa Arab, nahu dan saraf. Tempat pertama yang ditujunya ialah Masjid Al-Muhammadi. Dia berguru dengan Tuan Haji Ismail, Tuan Tabal, Tuan Padang, dan Tuan Hj Wan Ismail Hj Wan Senik.

Menjelang umur 18 tahun, dengan berbekalkan RM22 pemberian ibunya, Tok Kenali menjejak kaki ke tanah suci Mekah. Pelayarannya ke sana memakan masa enam bulan disebabkan kapal yang dinaikinya terputus layar. Di Mekah, antara

gurunya ialah Tuan Guru Wan Ahmad Al-Fatani, yang terkenal sebagai ulamak besar dan juga pengarang.

Pada tahun 1904 Tok Kenali mengadakan lawatan ringkas ke Mesir bersama gurunya Wan Ahmad. Di sana dia sempat berkenalan dengan Mufti Mesir pada masa itu, Syeikh Mohamad Abduh, Syeikh al-Anbahi dan tokoh-tokoh ulamak Mesir yang lain.

Pada tahun 1909, sesudah menjalani pengajian selama 22 tahun di Mekah (dan terlibat dalam pengajaran selama 12 tahun di Masjidil Haram), Tok Kenali pulang ke tanahair dalam keadaan Kelantan pada waktu itu menghadapi zaman peralihan dari tangan pemerintah Siam ke bawah pemerintahan Inggeris.

Pada tahun 1911 Tok Kenali mulai mengajar. Sebagai langkah permulaan, rumahnya sendiri dijadikan tempat mengajar. Kemudian dia membuka pondok di kampungnya, Kenali, yang kemudian menjadi pusat pengajian agama terkenal, bukan sahaja di negeri Kelantan bahkan di seluruh pelusuk Nusantara. Dua tahun kemudian dia menjadi guru di Masjid Besar Al-Muhammadi, Kota Bharu, pusat pengetahuan agama terbesar di Kelantan waktu itu.

Memandangkan hak-hak kemasyarakatan di kampung sendiri perlu pula dititik beratkan, maka sesudah lima tahun mengajar di Masjid Besar Al-Muhammadi, Tok Kenali pun menetap pula di kampungnya. Pondok Kenali pun kembali bersemarak sehingga namanya termasyhur ke serata ceruk rantau Semenanjung, malah sampai ke Indonesia (terutama Sumatera), Kemboja, Patani dan lain-lain. Jumlah pelajar yang menetap di asrama (pondok) meningkat 400 orang, suatu jumlah yang besar dalam perkembangan pengajian Islam di kala itu.

Dalam menjalankan tugasnya, Tok Kenali menetapkan beberapa buah kitab pelajaran (teks) dalam berbagai-bagai jurusan, iaitu pengajian Bahasa dan pengetahuan Agama Islam dalam berbagai-bagai peringkat. Dia sendiri banyak mengambil peranan dalam mengembangkan pengetahuan Bahasa Arab, manakala pelajaran-pelajaran lain diperkembangkannya selaras dengan kehendak masyarakat dewasa itu. Murid-muridnya yang



Makam Tok Kenali

telah matang dalam pengajian dilantiknya menjadi kepala telaah (guru kumpulan). Di samping itu kitab-kitab agama dalam tulisan jawi diajarkan juga kepada pelajar-pelajar dan orang-orang kampung.

Menerusi pengajian kepada orang dewasa inilah lahirnya cerita-cerita teladan yang kadang-kadang menggelikan, sebagai satu cara untuk menarik perhatian murid-murid kepada pelajaran. Suatu hal yang agak luar biasa, dalam masa mengajar itu Tok Kenali mengajar tanpa kitab di hadapannya, sedangkan murid-muridnya menggunakan kitab. Hal ini menunjukkan Tok Kenali seorang yang mempunyai daya ingatan yang kuat.

Tok Kenali adalah di antara orang yang memikul tugas dan jawatan terpenting dalam perkembangan pengajian Islam dan kebudayaan timur yang berteraskan Islam di negeri Kelantan, berdasarkan jawatan-jawatan yang pernah disandangnya, antaranya: Ketua Pelajaran Majlis

Agama Islam Kelantan, Penolong Mufti, Anggota Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, anggota Majlis Ulamak Islam Kelantan, ketua pengarang kehormat majalah Pengasuh, lidah rasmi Majlis Agama Islam Kelantan, dan guru Agama di Masjid Besar Al-Muhammadi, Kota Bharu.

Selain mengajar dan mendidik, Tok Kenali juga bergiat dalam lapangan yang berhubung dengan kemajuan agama dan kebudayaan Islam. Dengan nasihatnya, Datuk Perdana Menteri Paduka Raja (Tuan Haji Nik Mahmud bin Ismail) telah dapat membentuk Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, pada 24 Disember 1915 (17 Safar 1334H). Ini adalah satu jasa yang dapat dilihat buktinya sampai sekarang. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa tersebarnya pengetahuan Bahasa Arab dan Agama melalui sekolah-sekolah pondok ke seluruh Tanah Melayu antara lain ialah jasa Tok Kenali.



Jambatan Tok Kenali

Sistem persekolahan yang diutamakan oleh Tok Kenali dalam masa hayatnya ialah sistem pondok. Guru-guru pondok lepasan Kenali inilah kemudiannya tersebar ke seluruh rantau, dimana mereka menghidupkan sistem pondok. Pada 5 Ogos 1917 ditubuhkan sebuah sekolah agama berbahasa pengantar Melayu yang menitikberatkan Bahasa Arab, dengan nama Al-Madrasah Al-Muhammadiyah Al-Kilantaniyyah. Sekolah ini juga mengadakan pelajaran bahasa Inggeris di sebelah petang. Tok Kenali sebagai Ketua Pelajaran Agama Islam di Kelantan memainkan peranan dalam pembukaan dan perjalanan sekolah ini, yang lebih dikenali dengan nama Sekolah Agama Majlis.

Kemudian pada tahun 1937 bila lahirnya sekolah aliran bahasa Arab, Madrasah Al-Muhammadiyah Al-Arabiyyah, Sekolah Agama Majlis tadi bertukar nama kepada Sekolah Melayu Majlis, manakala sekolah yang baru tadi disebut Sekolah Arab Majlis. Akhirnya sekolah aliran Melayu itu diserapkan secara beransur-

ansur ke dalam aliran Arab, sesudah ia dipindahkan ke bangunan Maahad Al-Muhammadi sekarang.

Disamping itu Tok Kenali juga dianggap sebagai pendorong pembukaan sebahagian sekolah-sekolah Melayu di Kelantan, seperti Sekolah Melayu Kubang Kerian (1920), Sekolah Melayu Mentuan dan lain-lain. Dia tidak memusuhi pembukaan sekolah-sekolah seperti ini selagi pelajaran yang diajar tidak menyeleweng daripada ajaran Islam. Keterbukaan mindanya memberi kesan positif dalam perkembangan pendidikan di Kelantan.

Tok Kenali juga pernah dilantik menjadi penterjemah atas desakan Kerajaan Negeri, pada 1 Ogos 1929, dan ditugaskan menterjemah kitab al-Umm dan Tafsir al-Khazin, hingga akhir Disember 1930.

Hubungan baik dan kerjasama antara Tok Kenali dengan sahabat karibnya yang memegang

jawatan Menteri Besar (waktu itu disebut Dato' Perdana Menteri Paduka Raja) iaitu Haji Nik Mahmud bin Ismail, telah membawa kemajuan yang pesat kepada negeri Kelantan, terutama dalam perkembangan pendidikan dan pentadbiran. Allahyarham Yusuff Zaky Yacob menyatakan:

"Tok Kenali sentiasa dirundungi oleh sahabatnya, Dato' Perdana, bukan sahaja dalam persoalan agama, malah dalam persoalan umum, kerana disamping sifatnya sebagai ulamak besar, beliau juga terkenal mempunyai pandangan yang tajam dalam bidang kemasyarakatan dan siasah. Di zaman merekalah tertubuhnya Majlis Agama Islam (1915), terbukanya Madrasah Muhammadiyah (1917) dan terlancarnya majalah Pengasuh (1918). Seluruhnya masing-masing memainkan peranan yang penting dalam kemajuan umat Islam di Kelantan."

Betapa indahnya sekiranya ulamak yang bertaqwa serta mempunyai kefahaman agama yang tinggi berganding bahu dengan para ulamak yang berjiwa ikhlas demi membangunkan rakyat dan negeri.

Di antara murid-murid Tok Kenali terdapat satu pengarang buku-buku agama yang mempunyai kedudukan yang baik di kalangan masyarakat Islam di dunia sebelah sini. Mereka ialah Dr Syeikh Muhammad Idris Al-Marbawi, Datuk Hj. Ahmad Mahir, (Mufti Kerajaan Kelantan), Syeikh Uthman Jalaluddin Al-Kilantani, Hj Yaakub bin Ismail (Legor, Selatan Thailand), Datuk Hj Ismail bin Yusoff, (Mufti Kerajaan Kelantan), Syeikh Muhammad Salih Tok Kenali, (Mekah), Hj Ahmad bin Ismail (Datuk Lela Negara), Hj Ali Salahuddin, Hj Abdullah Tahir, Hj Yaakub bin Hj Ahmad, Datuk Hj Hassan Yunus Al-Azhari, (Menteri Besar Johor).

Menurut catatan Drs Abd Rahman al-Ahmadi, Tok Kenali gemar berbicara tentang masalah pergerakan atau perhimpunan perkumpulan bagi memajukan umat dan negeri. Sekiranya dia sedang tidur nyenyak sekalipun, apabila terdengar orang berbahas tentang kemajuan serta ketinggian umat dan negeri, dengan segera dia bangun dan ikut campur dalam perbahasan itu. Sebaliknya dia kurang senang mendengar perbahasan yang cerewet dalam perkara agama. Baginya perkara dan hukum agama memang



telah sedia ada sejak 1300 tahun dahulu lagi. Kalau orang berhajat untuk mendalaminya, perlulah dikaji, bukannya melalui perbahasan yang sia-sia itu.

Seorang penasihat Inggeris di Kelantan pernah bertanya Tok Kenali, mengapa orang Siam datang ke Kelantan? Dia jawab: kerana orang Kelantan masih "bodoh". Pandangannya ini dapat dikaitkan dengan tulisannya dalam Pengasuh, bertajuk "Soal Jawab":

"Lihat anak-anak putera bumi sahaya ini tiada sangat berbeza antara masa mereka itu bernaung di bawah telinga gajah (gajah= Siam) dan masa mereka itu bernaung di bawah dagu singa (singa= Inggeris)."

Begitu juga dengan pandangannya tentang sempadan politik negeri Kelantan yang sejak tahun 1900 sebahagian besar daerah Kelantan



menjadi daerah konsesi Syarikat Duft. Dia menyatakan dengan tegas bahawa daerah Kelantan berada di bawah bendera Kelantan. Oleh itu pacaklah bendera Kelantan di daerah itu untuk menunjukkan batas wilayah kita.

Untuk mencapai kejayaan bangsa manusia perlu berusaha dengan bersungguh-sungguh dan sabar dalam melakukan sesuatu. Dalam satu makalahnya yang bertajuk "Kesempurnaan manusia dan bahagiannya", dia menulis:

"Manusia tidak menikmati kesempurnaan dengan mudah untuk mendaki ke puncak, kejayaan menghendaki seseorang itu banyak bersabar, kerana kalau berharap mencapai ketinggian dengan tiada berusaha sama seperti orang menjalankan bahtera di atas darat, sebab bahtera tidak ada yang berlari di atas tanah yang kering."

Reaksi Tok Kenali terhadap serangan golongan tertentu, lebih-lebih lagi bangsa asing yang selalu mencela golongan ulamak, ditegaskan dalam makalahnya yang bertajuk "Menjernih Kekeruhan". Petikan kata-katanya seperti berikut:

"Bagaimana golongan ulamak dapat berbuat sedangkan orang tak mendengar nasihatnya dan ajarannya, kerana itu orang perlu kepada nasihat yang muafakat dan tidak bertentangan dengan hukum syarak. Hendaklah kita berbuat sesuatu yang dapat menunjukkan bahawa kita dapat berbuat baik sekurang-kurangnya jauh berbeza dengan masa yang sudah-sudah, diharapkan kepada Tuhan kita berada dalam perubahan yang baik."

Tok Kenali bukan hanya terkenal sebagai seorang ulamak besar, malah terkenal juga sebagai tokoh yang mempunyai sifat-sifat utama yang berguna untuk menjadi teladan kepada masyarakat Islam. Antara sifat-sifat utama yang berguna itu ialah: sangat menghormati dan memuliai ibu, pemurah, suka menderma terutamanya kepada fakir miskin dan anak-anak, seorang yang sabar, tidak lekas marah, suka berjalan kaki sebagai latihan melenyapkan perasaan sombong, bongkak dan megah, mengamalkan hidup berdikari. Dia membeli sendiri di pasar, suka membaca buku atau majalah di mana sahaja dia berada, suka beriktikaf di masjid, manakala tidur kerap berbantalkan lengan. Pakaianya pula amat sederhana.



Setelah kira-kira 65 tahun menyedut udara dunia ini, Tok Kenali dipanggil Allah SWT pada Ahad 19 November 1933, berikutan penyakit kudis di ibu kaki kirinya ('patah jantan') yang berlarutan selama empat bulan. Majalah Pengasuh 11 Disember 1933 merakamkan berita kematiannya:

"Kembali ke Darul-Baq 1352 yang meredupkan alam Kelantan dengan dukacita. Innalillaahi wa innaa ilaihi raaji'uun". Hari wafatnya dilawati oleh tidak kurang daripada 2,500 orang dan disembahyang jenazahnya lebih seribu orang yang khalis liwajhillaahi Ta'ala".

Kesimpulannya, Tok Kenali wajar dinobatkan sebagai Tokoh Mujaddid Ulamak Melayu di abad 20. Hal ini berdasarkan sumbangan dan jasanya yang amat berharga dalam membuat perubahan terhadap kemajuan pendidikan Agama Islam, serta pembangunan sosial dan politik di negeri Kelantan. Bagi menyambung perjuangan murni Tok Kenali ini, semua pihak terutama Kerajaan Negeri Kelantan perlu berfikir secara serius untuk melahirkan tokoh-tokoh mujaddid seperti Tok Kenali, agar Kelantan terus megah dengan jolokan Negeri Serambi Mekah untuk selamanya.

Rujukan:

Abdullah Al-Qari Hj Salleh, "Ketokohan dan Sumbangan Tok Kenali", kertas kerja Siri Wacana Tokoh Tok Kenali, anjuran Dewan Bahasa Dan Pustaka Wilayah Timur, Kota Bharu, 19 Mei 2001.

Drs Abdul Rahman Al-Ahmadi, "Pokok Pemikiran Haji Mohamad Yusuf bin Ahmad (Tok Kenali)", kertas kerja Siri Wacana Tokoh Tok Kenali, anjuran Dewan Bahasa Dan Pustaka Wilayah Timur, Kota Bharu, 19 Mei 2001.

Abdullah Al-Qari, *Detik-Detik Sejarah Hidup Tok Kenali*, Kuala Lumpur, al-Hidayah Publishers, 2002.

Yusoff Zaky Yacob, "Tok Kenali", makalah dalam *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*.



MAAHAD MUHAMMADI (P)

Rahsia pelajarannya terbaik di Malaysia

Oleh : Dinsman Fotografi : Ahmad Na'ime

Tahun 2007 Sekolah Menengah Maahad Muhammadiyah Lilbanat atau Maahad Muhammadiyah Perempuan, Kota Bharu, menggemparkan negara apabila seorang pelajarannya, Siti Fatimah Mukhtar, lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2006 dengan mendapat kelulusan 18A (17A1 + 1A2), menjadikan dia pelajar terbaik Malaysia peringkat SPM bagi tahun 2006.

Sebenarnya bukan Siti Fatimah seorang sahaja yang dihasilkan sebagai pelajar cemerlang oleh Maahad Muhammadiyah (P) pada tahun itu, tetapi ramai lagi. Berdasarkan senarai 8 pelajar terbaik SPM 2006 yang disiarkan di muka depan akhbar New Straits Times (NST) 13 Mac 2007, terdapat 3 orang lagi pelajar Sekolah Menengah Maahad Muhammadiyah (P) yang sepatutnya dimasukkan dalam senarai tersebut. Tiga orang pelajar ini mendapat markah kelulusan lebih tinggi daripada markah yang dicapai oleh pelajar terakhir dalam senarai itu (12A1). Mereka ialah Nur Atiqah Mahasan, 15A1, 2A2; Nurul Atiqah Azman, 15A1; dan Mardati Najwa, 12A1, 5A2. Ini bererti sebenarnya daripada 5 orang pelajar terbaik Malaysia di peringkat SPM bagi tahun

2006, tiga orang daripada mereka adalah pelajar Maahad Muhammadiyah (P).

Apakah pencapaian tersebut merupakan sesuatu yang terjadi secara kebetulan?

Apabila kegemparan yang sama berlaku lagi pada 12 Mac 2009, dengan seorang lagi pelajar Maahad Muhammadiyah (P) muncul sebagai pelajar terbaik SPM dengan mendapat kelulusan 20A (19A1), terbuktilah, bahawa kejayaan sekolah ini bukanlah sesuatu yang terjadi secara kebetulan. Ia menunjukkan ada sesuatu yang istimewa di sekolah tersebut, menyebabkan sekolah itu boleh melahirkan ramai pelajar cemerlang, termasuk dua orang yang terbaik bagi seluruh negara, pada tahun 2006 dan 2008.

Oleh sebab tidak ada media yang menyiarkan senarai pelajar-pelajar terbaik SPM 2008, seperti yang dilakukan NST 13 Mac 2007 itu (untuk keputusan SPM 2006), maka tak dapatlah kita melihat berapa orang sebenarnya pelajar Maahad Muhammadiyah (P) yang berjaya menduduki senarai 'Top 10' SPM 2008. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa orang pelajar

Maahad Muhammadiyah (P) yang berjaya menduduki senarai 'Top 10' SPM 2008. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa orang pelajar sekolah ini yang mendapat markah sekurang-kurangnya 12A1, termasuk seorang 17A1, di samping Nik Nur Madihah sendiri yang mendapat 19A1, 1A2.

Seperti yang telah banyak tersiar dalam pelbagai akhbar dan majalah, Nik Nur Madihah bt Nik Mohd Kamal adalah pelajar yang datang dari keluarga miskin. Berbeza dengan Siti Fatimah Mukhtar, pelajar terbaik 2006, yang datang dari keluarga yang boleh dikatakan kaya.



Siti Fatimah

Bapanya seorang pengurus bank, memandu kereta mewah dan tinggal di rumah banglo. Ibunya guru besar sekolah kebangsaan. Manakala bapa Nur Madihah seorang nelayan yang berpendapatan RM400-RM500 sahaja sebulan. Perlu menanggung seorang isteri yang suri rumah sepenuh masa serta tiga orang lagi anaknya adik-adik Nur Madihah.

Barangkali Allah sengaja memilih seorang pelajar dari keluarga kaya dan seorang dari keluarga miskin, untuk diangkat-Nya menjadi pelajar terbaik, seorang lepas seorang, bagi menunjukkan bahawa bukan kaya dan miskin yang menentukan kejayaan seseorang. Anak orang kaya pun boleh berjaya, anak orang miskin pun boleh berjaya. Yang seorang ayah dan ibunya dapat membantunya belajar di rumah, manakala yang seorang lagi ayah dan ibunya tak mampu membantunya. Yang seorang boleh mengambil tuisyen di luar sekolah bagi membantu pembelajarannya, manakala yang seorang lagi tak mampu untuk mengambil tuisyen. Namun kedua-dua mereka telah membuktikan bahawa mereka mampu meraih kejayaan paling cemerlang.

Biarlah pakar-pakar pendidikan membuat kajian dan merumuskan apakah faktor sebenar yang menentukan kejayaan seseorang pelajar cemerlang.



Nik Nur Madihah

Sementara itu saya juga ingin berkongsi pandangan, hasil pemerhatian ke atas sekolah ini, iaitu sewaktu membuat penggambaran dokumentari (VCD) Siti Fatimah di sekolah ini selama beberapa hari pada Jun 2007. Saya perhatikan ada beberapa keistimewaan atau kelainan di sekolah ini, yang mungkin tidak terdapat di sekolah-sekolah lain.

Pertama, pelajar dididik supaya hormat kepada guru dan mengharapkan keberkatan guru. Suatu sifat yang mungkin tidak lagi dimengerti oleh kebanyakan pelajar kita di seluruh negara pada hari ini. Apa itu 'keberkatan' atau 'berkat'? Suatu konsep yang penting dalam ajaran Islam, tetapi telah diabaikan dan tidak dipedulikan dalam sistem dan nilai pendidikan moden. Namun sifat ini sangat nyata diamalkan dan dapat dilihat pada kedua-dua pelajar cemerlang ini.

Keistimewaan atau kelainan kedua ialah program usrah. Melalui program ini pelajar dilatih untuk berbincang sesama sendiri





Penuh kesederhanaan... Sekolah Menengah Maahad Muhammadiyah (P)



mengenai topik-topik yang penting, termasuk mengenai akhlak. Pelajar juga dilatih untuk berfikir dan berani mengemukakan pendapat.

Faktor ketiga – pelajar membaca ikrar dan doa sebelum masuk kelas: membaca Asma-ul-Husna secara berlagu sebaik sahaja masuk kelas; membaca doa pada setiap kali memulakan sesi pelajaran, atau bertukar guru; dan berdoa sebelum pulang. Keempat, pelajar digalakkan dan dibimbing menghafal al-Quran.

Di samping itu ada beberapa hal lagi yang menarik perhatian saya sewaktu membuat penggambaran itu. Pertama, dari segi pakaian pelajar-pelajarnya, yang bukan saja semuanya bertudung, tetapi labuh pula tudungnya. Diikuti dengan tingkah laku atau gerak geri mereka, yang nampak begitu bersopan. Dan di wakaf-wakaf (pondok tempat berteduh) kelihatan buku-buku dan alat tulis serta beg-beg sekolah ditinggalkan begitu saja, ketika pelajar-pelajarnya tiada di situ. Ertinya mereka tidak takut akan kehilangan atau dicuri, yang seterusnya bermakna pelajar-pelajar juga diasuh dengan sifat amanah.

SUPER TUBE

Rawatan Tanpa Ubat dan Suntikan



KEBAIKAN

- Memulihkan peredaran darah
- Mengecilkkan molekul air dan memberikan penyerapan yang lebih baik
- Meningkatkan kandungan oksigen dan menukar air kepada sifat alkali
- Menyahtoksikan dari tubuh badan manusia
- Meningkatkan daya pertahanan badan
- Meringankan sakit otot
- Mengurangkan Inflamasi
- Memulihkan bio-field tubuh badan

LAYA MIRDAM ENTERPRISE
S/11, No 2865
Jalan Putra Semarak
15000 Kota Bharu
Kelantan



SILA HUBUNGI:

013 980 9123 (ILA) / 019 927 8001 (KAH) / 019 605 5699 (FARAH)

GUNUNG STONG

Day breaks prettier at Stong

By : Zalina Zulkifli



KTM Train... Alternative way to Dabong

themselves to reach the schools and chirpy kampong folks all gear up to start the day.

The second leg of the journey starts from a humble jetty at the bank of Sungai Kelantan. The jetty is just a short walk from the train station.

However, it is best to grab something hot for breakfast at a couple of stalls near the station.

The murky teh-tarik coloured Sungai Kelantan looks rather intimidating, while the humble bot-pancung (long, shallow sampan) doesn't help to ease the worry either.

Though it only takes about 10 minutes to reach the other side of the river, the outlook is enough to build up the anticipation of what to follow.

Across the river, an old van awaits to ferry just anybody who needs a ride for a fee. This tekسي sapu (illegal taxi) usually cramps as many passengers as it can. It takes about 20-minute to reach the foot of the mountain.

Stong Hill Resort, a quaint nature resort managed by the Forestry Department, is a pleasant welcome for adventurous.

While extreme outdoor types might not give the resort a second thought, its serene setting is exactly what first timers will love if they spend a night there.

The ascend to the peak of Jelawang Waterfalls starts from here. Fit climbers will take about 45 minutes while beginners can take as long as two hours.

Just after the resort, climbers have to cross the waterfalls and walk on huge boulders. This first stop is an ideal photo stop having the tallest waterfall in the region as a majestic backdrop.

The trek up to a nature camp atop the waterfall trails along the waterfall. The trek is narrow and steep.



Jelawat Waterfall

Gunung Stong, Kelantan's highest peak, is perhaps the most interesting mountain to climb in the country.

It has enough drama and adventure that makes it irresistible for both experienced and novice climbers.

With exciting journey of train-sampan-van, breath-taking view of tallest waterfall in the region and interesting trek, there's anything left to consider but pack the backpack and head to the peak.

A JOURNEY LIKE NO OTHER

Though Dabong, the little cowboy town at the foot of the mountain, is now easily accessible by smooth highways, train ride is still the best way to be there.

It is best to start the ascend early in the morning. Thus, the night train from south of the Peninsular to Dabong Station is the best choice.

The train will reach the station early in the morning while local school children busy



THE TALLEST WATERFALL IN SOUTH EAST ASIA

The camp is located right before the gushing water falls down 360 meter high onto the first stop made near the resort.

That sheer height puts Kelantan as the home the highest waterfall in South East Asia, Jelawang Waterfall.

From top to bottom, the seven-tier waterfall stands at a most impressive height of 1,050 metres.

It actually starts at the meeting point of two waterfalls, from Gunung Stong and Gunung Ayam. This point is nicknamed the Last Fall.

From the nature camp, the 1,423-meter peak of Gunung Stong is another three-hour trek. Atop the peak, climbers will get a glimpse of the surrounding mountains – Ayam, Baha and Saji.



A SPECTACULAR SUNRISE

As early as 6.30am, the edge of Jelawang Waterfalls will have been turned into a grandstand by the early risers. The 'stage' is the panoramic view of Dabong and a mountain range as the backdrop.

The cold morning will have thick fog enveloping the landscape but as time passes, the blanket of mist lifts to slowly exposing the peaks of mountains and hills.

If the weather is cleared, a bright spectrum of red-orange, sometimes pink-purple, from the morning sun gives colourful reflection on the thick fog.

The sun-up affair is beautiful, never fails to give a sense of tranquillity that dances slowly like peaceful flowing water. This spectacular act of nature is often used to describe the climbing expedition to Gunung Stong.




Now you're at the peak...



KELANTAN DELIGHTS

The pride of Kelantan

By : Kassim Muhamad



In a 2008 poll, readers of **The Star** voted Kelantan Delight's Nasi Dagang (healthy brown rice eaten with beef rendang, prawn or fish curry) as Top 2 in the country while **Malaysian Business** says the restaurant serves the best lompat tikam (pandan-flavoured rice cakes and pulut eaten with coconut milk and gula melaka syrup) in town. Popular morning show **Nasi Lemak Kopi O** on **TV9** broadcasted special features on Kelantan Delights's nasi lemak and sirih daun kaduk and called them 'warisan bonda'.

and tahi itik (white sweet pudding) are simply delicious.

At its new location in Sooka Sentral, Kelantan Delights is 2.5 times bigger in size than its previous location. With floor space of over 4,300sq ft, the restaurant is an ideal place to host functions such as product launching, meetings, presentations, reunions and private parties. Facilities such as private rooms, stage and surau are available. The restaurant also has a large balcony with a nice view of the city, enhanced by



Kelantan Delight's signature dish...

The restaurant is a treasure house for some of the best food found in Malaysia: nasi kerabu (herbal rice served with chicken, beef, solok lada, vegetables, pickled garlic and salted eggs), nasi berlauk, nasi kukus (steamed rice served with lamb kuzi, beef rendang and chicken curry), nasi tumpang (compact rice with prawn sambal, fish curry, egg strips and beef serunding wrapped in cone-shaped banana leaf), laksam (rice noodle in white fish sauce eaten with vegetables and sambal), ayam percik (grilled chicken marinated with home-made spicy sauce) and belut (eel) prepared in 10 ways.

romantic sight of passing monorails. For special occasions and on request, cultural performances such as dikir barat and wayang kulit can be arranged for dining guests.

The central piece in the restaurant is the pintu gerbang. It is actually a replica of the door of mosques, common in Kelantan and southern provinces of Pattani and Narathiwat, about 100 years ago. The replica is made of high quality teak, seraya merah, and sculptured by two skilled wood sculptors from Bachok.

Kelantan Delights is a place you want to bring your colleagues, family and foreign visiting friends to, for a delicious taste of good local food. Prices are reasonable too and with warm and sophisticated decor featuring modern wood furniture and glass elements, Kelantan Delights is definitely top on many recommended lists.

Tomyam kelapa muda is a house specialty. The soup, with ingredients like prawns, squid, baby corn, mushroom and lemon grass, is cooked in coconut water and served hot in the coconut. It is a knock-out.

Other specialties include daging bakar (grilled beef with home-made dip), kerapu daun kaduk (garoupa with basil sauce), sambal udang petai, pucuk paku belacan and som tam (young papaya salad).

And Kelantan Delights' appetisers and desserts such as sirih daun kaduk (wild betel leaf with condiments and spicy sauce), kerabu mangga (young mango salad), sira pisang (banana in syrup), pulut durian (glutinous rice in durian syrup), akok (baked mixture of egg and flour)

There are no dearth of Kelantan cuisine lovers if the success of Kelantan Delights are anything to go by. Since its opening 12 years ago, Kelantan Delights have won the hearts of many, both among locals and foreigners, who have thronged its outlet in Suria KLCC and now in Sooka Sentral -next to KL Sentral, Malaysia's biggest transportation hub.

They go for the restaurant's exotic cuisine that represents the Kelantan and southern Thai neighbouring region, where food is more than just culture or filling our stomachs. To

Kelantanese, serving good food to guests is a religious duty. Many guests to Kelantan homes have been amazed that their hosts still serve them food - tasty and hot - even though its well in the wee hours!

It is great food, unique choices, reasonable pricing, professional service and good ambience that has won Kelantan Delights the Best Halal Malay Restaurant in 2005 and 2006 by Halal Journal.

Since it started as a foodcourt outlet in 1997 and later graduated as a full-fledge restaurant in 2001, Kelantan Delights has not looked back. The restaurant prides itself on serving authentic Kelantan and southern Thailand culinary wonders. Kelantan Delights offers a wide variety of local cuisine with distinct tastes and flavours, different from other Malaysian dishes, featuring mainstays such as fenugreek seeds, tamarind skin, galangal and lemon grass.



Sirih daun kadok

Terowong Masa Time Tunnel

Sumber dan foto ehsan
Perbadanan Muzium
Negeri Kelantan

dahulu...

Jambatan Keretapi Guillemard

Jambatan Keretapi "Guillemard" dibina merentasi sungai Kelantan di Kusail dekat Tanah Merah. Jambatan ini dibina dalam tahun 1920, mengandungi lima 'span' besar yang panjangnya 250 khaki setiap satu dan lima 'span' kecil sepanjang 150 kaki. Siap dibina pada tahun 1924 dan dibuka untuk lalu lintas. Pada tahun yang sama. Nama "Guillemard" ialah mengambil sempena Gabenor British pada masa itu iaitu Sir Laurance Guillemard, Gabenor Negeri-Negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Selat

The Guillemard Bridge, at Kusial Tanah Merah was built in 1920 crossing the Kelantan river consist of five long span with 250 feet each and five small span with 150 feet each. Completed in 1924 and was open to public. The bridge was name Guillemard after the Governor's name at that time Sir Laurance Guillemard, the Governor and High Commissioner of the Federated Malay States.

sekarang...

Jambatan Keretapi Guillemard

Jambatan Keretapi "Guillemard" di Kusail dekat Tanah Merah, Kelantan


The Guillemard Bridge located at Kusail, Tanah Merah, Kelantan

dahulu...

Jalan Temenggong

Pandangan Jalan Temenggong, Kota Bharu ketika banjir (bah air merah) pada tahun 1927 dilihat dari bangunan rumah rehat (sekarang bangunan YAKIN) di sebelah kiri pagar pokok the itu ialah bekas rumah kediaman Dato' Adika Raja (Haji Mahmud Bin Khatib Muhd. Said) yang sekarang menjadi rumah-rumah kedai. Di sebelah kanan sekarang ini menjadi bulatan bagi Jalan Temenggong, Jalan Ismail, Jalan Sultan Ibrahim, Jalan Gajah Mati dan Jalan Hospital. Rumah kayu beratap nipah dalam gambar sekarang ini adalah Hotel Mohanis.

View at Jalan Temenggong, Kota Bharu during the big flood in 1927. The view is taken from the rest house, which now stands the YAKIN building. On the left hand side is the house of Dato' Adika Raja Haji Mahmud bin Khatib Muhd Said. On the right side turns out to be the roundabout of Jalan Sultan Ibrahim, Jalan Temenggong, Jalan Hospital and Jalan Gajah Mati. The wooden house seen in the photo now is the site for Hotel Mohanis.



sekarang...

Jalan Temenggong

Pemandangan 2007 yang dilihat dari tempat yang sama. Sekarang kawasan ini dikenali dengan bulatan Jam Besar.

View of the same the place in 2007 New the place is knows as the Clock Tower Round-About

MERCU TANDA BARU KOTA BHARU

MADINATUR RAUDHAH DAN BAZAR TOK GURU

Oleh: Shariah Derahman Fotografi: Ahmad Na'ime

Konsep rekabentuk Bazar Tok Guru bercirikan senibina Islam yang diambil daripada elemen-elemen rekabentuk masjid di Mekah dan Madinah diantaranya ialah rekabentuk kubah dan gerbang masuk yang diambil daripada masjid Nabawi. Namun begitu, elemen ukiran tradisional senibina tempatan turut diterapkan.





Sebuah lagi mercu tanda di pusat bandar akan dibangunkan dalam tempoh terdekat yang dikenali sebagai Bazar Tok Guru dan Madinat Raudhah di atas tapak seluas 2.36 hektar.

Projek bersepadu di atas tapak bekas Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Bharu yang dibangunkan secara berperingkat akan menyediakan lebih banyak kemudahan ruang bagi peniaga kecil tempatan di samping hotel bertaraf lima bintang dan apartmen.

Ia mempunyai reka bentuk tradisi seni bina Islam dan Melayu yang dijangka akan menjadi salah satu daya tarikan untuk muncul sebagai pusat perniagaan utama dan juga produk pelancongan.

Upacara pecah tanah bagi memulakan projek itu telah disempurnakan oleh Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Turut hadir ialah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan Perdagangan dan Perpaduan Masyarakat, Datuk Anuar Tan Abdullah dan Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), Ir. Abdul Ariffahmi Ab Rahman.

“Jika sebelum ini kebanyakan negeri lain yang membangunkan sesuatu projek akan kehilangan peniaga Melayu kerana kawasan tersebut didirikan rumah mewah, kita akan memastikan perkara yang sama tidak berulang di sini”.



Perasmian upacara Majlis Pecah Tanah Bazar Tok Guru

Dalam sidang media selepas majlis, Nik Abdul Aziz berkata, fasa pertama melibatkan pembangunan Bazar Tok Guru yang dikhususkan kepada golongan peniaga kecil yang sebelum ini menjalankan perniagaan di Pasar Lama Majlis Perbandaran Kota Bharu dan Arked Uda.

“Jika sebelum ini kebanyakan negeri lain yang membangunkan sesuatu projek akan kehilangan peniaga Melayu kerana kawasan tersebut didirikan rumah mewah, kita akan memastikan perkara yang sama tidak berulang di sini”.

“Peniaga lama di Pasar MPKB dan Arked Uda berhak beroperasi di kawasan yang lebih strategik, selamat, selesa dan terancang kerana mereka merupakan tulang belakang untuk memasarkan produk-produk tempatan kepada pelancong selama ini”, ujarnya.

Katanya, bazaar dijangka siap dalam tempoh dua tahun akan mempunyai 400 unit ruang niaga dan menjual pelbagai produk termasuk kain batik, tudung, pakaian dan barang perhiasan yang menarik minat pelanggan.





"Sebagai tambahan kemudahan kepada pengunjung, jalan baru akan dibina bagi menghubungkan Jalan Sultan Ibrahim dan jalan Mahmood di hadapan Bazaar Tok Guru", katanya.

"Fasa kedua itu mengandungi hotel bertaraf lima bintang, apartmen dan premis-premis perniagaan dan dibuka kepada kumpulan usahawan dan peniaga besar", ujarnya.



ANAK KELANTAN PERTAMA
MEMBUKA PERNIAGAAN OPTOMETRIST

PENERIMA ANUGERAH USAHAWAN
BERDIKARI NEGERI KELANTAN 2006



CAWANGAN-CAWANGAN ROSMADI OPTOMETRIST SDN. BHD.

IBU PEJABAT - KOTA BHARU
PT 135, TINGKAT BAWAH BANGUNAN MAIK,
JALAN TOK HAKIM, 15000 KOTA BHARU,
KELANTAN.
TEL: 09-7444 655

CAWANGAN - WAKAF CHE YEH
PT 444, KOMPLEKS NIAGA WAKAF CHE YEH,
JALAN KUALA KRAI, 15050 KOTA BHARU,
KELANTAN.
TEL: 09-7448 655

CAWANGAN - JELAWAT
PT 126, PEKAN JELAWAT, 16070 BACHOK,
KELANTAN.
TEL: 09-7781 655

CAWANGAN - PINTU PONG
LOT 73, TINGKAT BAWAH BANGUNAN PKINK,
BULUH KUBU, JALAN PINTU PONG,
15000 KOTA BHARU, KELANTAN.
TEL: 09-7474 655

CAWANGAN - KUBANG KERIAN
PT 819, JALAN KK 4A/2 BANDAR BARU
KUBANG KERIAN (SEBELAH 7 ELEVEN),
16100 KOTA BHARU, KELANTAN.
TEL: 09-7644 655

CAWANGAN - KOK LANAS
PT 2432, TINGKAT BAWAH, TAMAN HAJI
MUSTAFA, KOK LANAS, KETEREH,
KOTA BHARU, KELANTAN.
TEL: 09-7883 949

CAWANGAN - TANAH MERAH
PT 454, JALAN TASI, 17500 TANAH MERAH,
KELANTAN.
TEL: 09-9554 342

CAWANGAN - HUSM
OM4 OREN MALL HUSM, 16150 KUBANG
KERIAN, KOTA BHARU, KELANTAN.
TEL: 09-7655 426

CAWANGAN - PASIR MAS
PT 318, TINGKAT BAWAH, BGN MDPM
17000 PASIR MAS, KELANTAN.
TEL: 013-9840 655



“**PMBK** merasa bertanggungjawab untuk **membela pelajar-pelajar** yang mempunyai potensi cemerlang yang mempunyai nasib seperti adik **Nik Nur Madihah**”



SKIM BANTUAN IMAM AL-GHAZALI

Oleh : Zarina Yusof Fotografi: Ahmad Na'ime

Antara tetamu VIP yang hadir ialah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Pendidikan & Dakwah Negeri Kelantan Dato' Hj Mohd Amar Nik Abdullah dan Ketua Pegawai Operasi Kumpulan PMBK, Ir Abdul Ariffahmi Ab Rahman. Selain itu juga, program ini turut mengundang khas adik Nik Nur Madihah NIK Mohd Kamal untuk memberikan ceramah motivasi kepada para pelajar.

Program bantuan kewangan ini timbul apabila melihat pencapaian prestasi cemerlang yang ditunjukkan oleh adik Nik Nur Madihah Binti Nik Mohd Kamal dalam Sijil Pelajaran Malaysia 2008 dan PMBK merasa bertanggungjawab untuk membela pelajar-pelajar yang mempunyai potensi cemerlang yang mempunyai nasib seperti adik Nik Nur Madihah. Seramai 100 orang pelajar telah terpilih untuk menerima skim bantuan ini.

PMBK telah mengadakan satu program tanggungjawab sosial, 'Corporate Social Responsibility' (CSR) yang dinamakan "Skim Bantuan Imam Al-Ghazali" yang diberikan kepada pelajar miskin dari sekolah-sekolah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK). Program ini telah diadakan di Dewan Teratai, Kota Darulnaim yang dirasmikan oleh Menteri Besar Kelantan, YAB Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Nik Nur Madihah Nik Mohd Kamal



SUKIMI LUBE (M) SDN. BHD.
 No. 1, Block F, Jalan Saujana Indah 10,
 Taman Perindustrian Saujana Indah,
 40000 Shah Alam, Selangor,
 Malaysia
 Tel: +603-7842 2170 (Hunting Line)
 Fax: +603-7842 2179

HEAD QUARTERS
BANGUNAN SUKIMI
 Lot 83, Seksyen 23, Jalan Telipot,
 15150 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.
 Tel (Hunting Line): +609 - 744 7911, +609 - 744 4911
 Tel (Customer Care): +609 - 748 6000
 Fax: +609 - 743 7911, +609 - 743 4911





Maulidur 1430H Rasul

Oleh: Mohd Haikal Fotografi: Ahmad Na'ime

"Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat-Nya berselawat untuk Nabi. Hai orang-orang yang beriman, berselawatilah kamu untuk Nabi dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya"

Biarpun hari sambutan keputeraan Rasul junjungan kita, Nabi Muhammad SAW ialah pada 9 Mac 2009 bersamaan 12 Rabiul Awal 1430H, namun alunan selawat ke atas Rasul masih lagi kedengaran di Masjid Kota Darulnaim. Walaupun sambutan Maulidur Rasul yang diadakan pada hari Ahad, 22 Mac 2009 bersamaan 25 Rabiul Awal 1430H di Masjid Kota Darulnaim adalah secara sederhana namun penuh dengan ketulusan ikhlas hati para tetamu.



Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1430H telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Bersama Pembangunan Aktiviti Masjid Kota Darulnaim (JAMiL) yang terdiri daripada Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB), Kelkon, dan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB), dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

Sempena dengan Sambutan Maulidur Rasul 1430H ini, JAMiL telah menganjurkan forum yang bertajuk "Cinta Rasul vs Cinta Selebriti – Bagaimana Menyintai Rasul SAW Di Akhir Zaman" dengan panel jemputan khas iaitu Dr. Jamnul Azhar Mulkan dan Ustaz Mohd Azariza Mohd Alawi. Forum ini telah membuka mata dan hati para jemputan supaya lebih menjiwai sifat-sifat teragung Rasul SAW.

Alunan selawat ke atas Rasul SAW dibaca sejeurus selesai menunaikan solat Zuhur secara berjemaah sebagai tanda penghormatan kepada Baginda sebagaimana firman Allah SWT:-

"Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat-Nya berselawat untuk Nabi. Hai orang-orang yang beriman, berselawatilah kamu untuk Nabi dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya" [Surah Al-Ahzab: 56]

Bersama-samalah kita bersyukur dengan iman dan Islam yang kita miliki.





bengkel
**MELUKIS KARTUN
& ANIMASI**
bersama
Imuda

Oleh : Susilawati

Animasi kian mendapat perhatian di Malaysia daripada pelbagai pihak termasuk kerajaan berikutan kesedaran bahawa industri animasi ini mampu menjana keuntungan yang banyak. Pendapatan sektor ini mampu menyumbang kepada pendapatan negara sekaligus membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Sebagai usaha untuk menanam minat dan memberi pendedahan serta kesedaran mengenai bidang animasi, Darul Digital telah mengambil langkah yang pro-aktif dengan mengadakan Bengkel Melukis Kartun dan Animasi. Bengkel ini disasarkan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah kerana golongan mereka inilah yang diharap dapat menjadi modal insan dalam memenuhi keperluan bidang animasi negara.

Bengkel yang diadakan selama dua hari mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar-pelajar. Bengkel anjuran Darul Digital ini diterajui sendiri oleh Pengarah Program iaitu En Hassan Muthalib. Bagi memeriahkan lagi bengkel tersebut, pelawak, pelukis dan pelakon terkenal Malaysia, iaitu Imuda telah dijemput.

Di dalam bengkel ini peserta didedahkan dengan potensi kerjaya dalam bidang animasi pada masa akan datang. Mereka juga didedahkan bahawa pengajaran dan pembelajaran animasi yang berkualiti tidak hanya perlu menguasai perisian-perisian komputer semata-mata tetapi mesti juga berteraskan aspek-aspek penghayatan seni dan asas-asas seni lukis supaya mereka berupaya menghasilkan karya yang bermutu.



Sebagai usaha untuk **menanam minat** dan **memberi pendedahan** serta kesedaran mengenai bidang animasi...



Selain dari diberi penerangan, peserta diajar mengenai teknik-teknik melukis lukisan, karikatur dan cara menghasilkan animasi yang ringkas atau mudah. Sebelum bengkel berakhir, hasil lukisan atau animasi yang telah dihasilkan diberi komen dan tunjuk ajar oleh Imuda dan En. Hassan. Kesemua peserta yang mengikuti bengkel dua hari di Darul Digital memberikan maklum balas yang mereka amat berpuas hati dengan bengkel tersebut.

Diakhir bengkel setiap peserta diberikan sijil penyertaan dimana sijil tersebut disampaikan sendiri oleh Ir. Abdul Ariffahmi Ab Rahman, Pengarah Eksekutif Darul Digital yang juga merupakan Ketua Pegawai Operasi PMBK.

Kerajaan Kelantan menyokong penuh dalam usaha meningkatkan kualiti dan membudayakan animasi ke dalam budaya tempatan malah bidang ini mempunyai skop yang sangat besar untuk diterokai dan mampu memberikan pulangan yang lumayan. Selain daripada itu, nilai-nilai jati diri tidak usah dilupakan dalam membangunkan kandungan kreatif dan mencari identiti animasi Malaysia amnya dan Kelantan khususnya.

LAWATAN DELEGASI PELABUR TAIWAN KE PMBK

Oleh : Ahmad Na'ime

Pada 18 Mac 2009, PMBK telah menerima satu lawatan dari 9 orang delegasi Taiwan yang diketuai oleh En Kevin Kuo, selaku presiden bagi Syarikat Jeou Nien Construction. Kunjungan ini telah disambut baik oleh Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Perbadanan Menteri Besar Kelantan, YABrs Ir. Abdul Ariffahmi Ab Rahman dan semua pengurus PMBK.

Satu sesi taklimat telah diberikan kepada delegasi yang hadir meliputi latar belakang PMBK, struktur korporat PMBK, anak-anak syarikat serta usaha dan projek-projek yang telah dan akan dilaksanakan oleh PMBK dan juga anak-anak syarikat.

Delegasi ini juga telah didedahkan dengan informasi dan matlamat terperinci mengenai

pembangunan Bandar Baru Tunjong bagimenaarik minat syarikat ini agar turut sama melabur di dalam projek Bandar Baru Tunjong.

Di dalam lawatan julung kalinya ke Negeri Kelantan, Kevin Kuo berpendapat bahawa Negeri Kelantan adalah berpotensi untuk dibangunkan khususnya dalam pembangunan hartanah memandangkan masih terdapat banyak tanah kosong, kaya dengan hasil bumi dengan rakyatnya yang rajin bekerja.


Di akhir pertemuan, PMBK dan Syarikat Jeou Nien Construction berharap agar hubungan dua hala yang telah terjalin akan berterusan dan dapat memberikan kebaikan kepada kedua-dua belah pihak di masa hadapan.



PROGRAM SKIM TAKAFUL KIFAALAH

Membina KASIH SAYANG sejagat...

TAKAFUL KHAIRAT KEMATIAN WARGA EMAS



KIFAALAH SDN BHD
Lot 5393-E, Jalan Telipot, 15050 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-747 6336 Faks: 09-747 6226
www.pmbk.gov.my/kifaalah

ISP Internet Service Point
KB Mall
Pusat Teknologi & Perkhidmatan
Internet Broadband

agen perkhidmatan talian tetap, rangkaian internet, broadband, teknologi rangkaian & peralatan



Dapatkan Internet Broadband serendah RM25 sebulan dan RM 35 sebulan tanpa had dengan Modem, serta Mobile Broadband RM68 sebulan tanpa had

INTERNET SERVICE POINT
KT 0245225-A at KB Mall

B13, Basement Parking KB Mall
KB Mall Shopping Complex
15050 Kota Bharu, Kelantan

e-mel: isp.comm@gmail.com

ISP Customer Service : 013.933.001.8
ISP Technical Support : 013.933.001.4
ISP Faks : 09.788.390.9
ISP Founder : 019.947.554.5
ISP General Inquiry : 013.923.634.5
TM Hotline : 100
CELCOM Care : 1300-111-000





Majlis Taklimat PROGRAM E-KIFAALAH

Oleh : Mohd Haikal

Majlis Taklimat Program Kifaalah dan Penyerahan Cek Pendahuluan Kepada DUN telah diadakan pada 11 Mac 2009 bersamaan 14 Rabiul Awal 1430H di Dewan Teratai, Kota Darulnaim.

Aturcara majlis bermula seawal 10.45 pagi dengan pendaftaran setiausaha dan wakil-wakil DUN, bersama dengan ketibaan kedatangan dif-dif undangan yang telah dijemput. Ucapan awal majlis ini telah dibuat oleh En. Khalily Ab Kadir, Pengurus Kifaalah Sdn Bhd dan diikuti oleh En. Mohd Zainal Abidin selaku Pegawai Pemasaran Kifaalah Sdn Bhd dalam memberi taklimat program Kifaalah. Seterusnya ucap tama telah dibuat oleh YB Dato' Hj Husam Hj Musa selaku Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Kebajikan, dan majlis penyerahan cek telah dibuat secara ringkas. Turut hadir memeriahkan majlis ini ialah YABrs Ir Abdul Ariffahmi Ab Rahman, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK).

Sistem ini berorientasikan **pengkalan web** secara atas talian bagi menggantikan sistem tertutup yang sedia ada...

Program Kifaalah ini diadakan untuk memberi penerangan kepada semua Yang Berhormat ADUN, penyelia, setiausaha serta wakil DUN tentang sistem integrasi terbaru Kifaalah iaitu e-Kifaalah. Sistem ini berorientasikan pengkalan web secara atas talian bagi menggantikan sistem tertutup yang sedia ada bagi memudahkan ahli, pewaris dan orang ramai menyemak keahlian ahli Kifaalah yang telah didaftarkan. Kemudahan e-Kifaalah yang lain adalah untuk memberi satu pendekatan prasarana pendaftaran maklumat keahlian dan pendaftaran maklumat kematian di peringkat DUN masing-masing.

Selain itu, majlis penyerahan cek yang dibuat adalah untuk membantu meringankan beban dan menyelesaikan tunggakan kewangan yang telah dialami oleh setiap DUN Kelantan. Jumlah tuntutan kematian yang telah diterima oleh Kifaalah daripada DUN sehingga Februari 2009 adalah 10,201 orang, dan jumlah keseluruhan kos (tuntutan daripada DUN dan wasi) yang perlu ditanggung oleh Kifaalah ialah RM 25,502,500.

Selaras dengan konsep negeri berkeadilan, Kifaalah Sdn Bhd percaya dapat membentuk satu perlindungan hayat kepada warga emas di Negeri Kelantan tanpa mengira bangsa, agama dan fahaman politik.



The *Kelantan* Encyclopedia

By : Kassim Muhamad

Kelantan A - Z



A is for Ambo
Ambo is the pronoun for the first person, I or me. Ambo is the most refined way for a Kelantanese to refer to the "self." Incidentally the term is also widely used by the Minangkabaus in Indonesia.



B is for Balasoh
Balasoh could be described as a mini mosque. It is another and the usual name used by Kelantanese for a madrasah, a place of worship of the Muslims. Apart from its lower stature in terms of size and authority as compared to the mosque, it is normally not ordained to hold the Friday congregational prayers.



C is for Come
A very common adjective used by Kelantanese for "beautiful" or "pretty". A beautiful woman is described as 'come.' However it is also used to describe men. The word "come" may also refer to an action that is seen as very appropriate or decent. It must be noted that "comel" in Malay also means "beautiful."
Kota Bharu, the capital of the State of Kelantan is labelled as "Kota Bharu come sokmo" for "Kota Bharu is forever beautiful."

You

D is for Demo

Do not be confused for the word "demonstration." It is the Kelantanese pronoun for "you." However "demo" is not refined or cultured as 'ambo" and is commonly used among peers or friends. Hence using "demo" for elders is seen as uncultured and is therefore not allowed.

G is for Gobek

It is a traditional instrument used for mincing the "sirih pinang." The chewing of sirih and betel nut is a practice sometimes seen among old ladies. The gobek consists of the bamboo tubing / container and the iron blade mincer which helps mince the sirih pinang into fine pieces.



E is for Ejah

Just like its original English word, "adjust," ejah means to adjust.

H is for Hari Hudud

"Hari Hudud" or the "Hudud Day" was introduced by the Kelantan Government to help explain and educate to the public on one of the facets of Islamic Criminal Jurisprudence. The celebration of this very special day is seen appropriate in order to mitigate and ward off misconceptions and the negative publicity given the mainstream media to the public on the subject of hudud.



F is for Fardhiah

The root word is the Arabic 'fardhu' which means a must-do or an obligation as a good Muslim.



Breaking fast feast at mosque.

I is for Ihya Ramadhan

Ihya is the Arabic word for "to enliven." Hence Ihya Ramadhan is "Enlivening the fasting month of Ramadhan," the effort introduced by the Kelantan Government in order to enrich and enliven the true meaning of the fasting month.



J is for JKR 10

A government building built as the official Residence of the Menteri Besar of Kelantan. However the present Menteri Besar, Tuan Guru Nik Aziz bin Nik Mat resides at his own home in Pulau Melaka, and JKR 10 is now made the official guest house of the state government.

K

is for Kawe

It means I or me. It is usual among Kelantanese to use the term "kawe" to refer to the "I or me" context in their interactions among fellow Kelantanese.



is for Laloh

Laloh is the name of a village in the Jajahan Kuala Krai. At present Laloh becomes well-known since it is situated in N-41 Constituency of Manek Urai, a state constituency of Kelantan which will be contested in a by-election to be held July 2009.

M

is for Mek

The adorable call name used for the young Kelantanese girls. At present, the term is however not so commonly used by the Kelantanese, although among the local Chinese it is still prevalent.



N


is for Nnone

It is the local way of describing the act of hanging and swinging using a rope. A famous example would be that 'nnone' of Tarzan.

O

is for Onde-onde

Onde-onde is a traditional Kelantanese cake. It is made of gelatinous rice flour rolled into the size of a fifty cent coin, dipped-boiled into boiling water before being seasoned with shredded coconut and coconut sugar. It is a common dish during the fasting month.



P

is for Pulau Melaka

A village near Kota Bharu is well-known through out Malaysia: It is the place where Tuan Guru Nik Aziz bin Nik Mat, the Chief Minister of Kelantan resides.



Q

is for Qiadah

Qiadah is the official corporate magazine of Kelantan Chief Minister Incorporated.



R

is for Rejab

Rejab is the seventh month of the Islamic calendar. The lexical definition of Rajaba is "to respect", which is where the word Rejab has been derived from. This month is regarded as one of the sacred months. These month also a prelude to the month of Ramadan.



S

is for Singge

It is a type of traditional Kelantanese dish. Among its ingredients are ikan kembong, ginger, and green chilly and salt. Its deliciousness is said to be beyond description.





T is for Tok Peraih

This job term is synonym to the small or medium businessman or businesswoman. It refers to the local place, who becomes the middleman between the supplier and seller. They also can be a wholesaler although it not quite the same.

W is for Wak loloq

The Kelantanese would describe you as to 'wak loloq' when you lie.

X is for X wife

She was once a wife of someone. X wife is the usual local way of describing a divorcee.

U is for Ugoh

Ugoh is a local Kelantanese terminology for describing one's condition or state of mind when he loses confidence. He becomes 'ugoh.'




V is for Vespa

Yes, it is the brand name of that famous Italian scooter of the sixties which used to be the mode of transport of the Kelantan state assembly men (ADUN) then. Vespa lovers keep their vehicles as vintage items.



Y is for YIK

YIK is the acronym for Yayasan Islam Kelantan, an important foundation of the state of Kelantan which indulges itself mainly in education. YIK has its own system of education. Sekolah Menengah Maahad (Perempuan) which produced the best SPM students for the whole of Malaysia for the last two consecutive years, is an example of such a school under YIK.



Z is for Zaujah

It is the Arabic word for wife. Zaujah is very commonly used in Kelantan

- Jualan & Servis Komputer**
- Internet / Networking**
- Wireless**
- Teknologi Produk Terkini**
- Jualan Perisian Berlesen**
- Perisian Akaun**

563007-K

east computech

COMPUTER SALES & SERVICES

Menerajui Globalisasi Perkomputeran

IBU PEJABAT:
 Lot 252-253, Seksyen 20 Jalan Kuala Krai,
 15050 Kota Bharu, Kelantan
 Tel: 09-7476903 Faks: 09-7479604


CAWANGAN:
 Educom Technologies (M) Sdn Bhd
 Pt 1317, Tkt. Bawah,
 Bandar Baru Kubang Kerian,
 16150 Kota Bharu, Kelantan
 (Depan HUSM K. Kerian)
 Tel : 09-7649291 / 9292 Faks: 09-7649290



TOK AYAH



Oleh: Darul Digital



إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْفِي عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
 SEUNGGUHNYA SEMBAHYANG ITU MENCEGAH DARI PERBUATAN YANG KEJI DAN MUNGKAR



MADINATUR RAUDHAH BAZAR TOK GURU

Projek pembangunan kediaman dan unit-unit perdagangan dengan hotel berdasarkan konsep Islam

- bercirikan senibina Islam
- elemen ukiran tradisional senibina tempatan
- premis perniagaan yang mesra pengunjung

Bazar Tok Guru

- TINGKAT BAWAH**
82 unit kedai (13' x 14' per unit)
- TINGKAT 1**
256 unit kedai (8' x 10' perunit)
- TINGKAT 2**
256 unit kedai (8' x 10' perunit)

Dilengkapi dengan kemudahan 109 unit lot parkir, surau, tandas awam, lif, dan medan makan.

HOTLINE : +609-747 4545



PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN
 Tingkat 6, Bangunan Perbadanan Menteri Besar Kelantan,
 Jalan Kuala Krai, 15050 Kota Bharu, Kelantan
 Tel: 09 747 4082 Faks: 09 747 7815
 Web: www.pmbk.gov.my

